قُلْ مَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِلَّا مَن شَآءَ أَن يَتَّخِذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا

Katakanlah, "Aku tidak meminta upah sedikit pun kepada kamu dalam menyampaikan risalah itu melainkan mengharapkan kepatuhan orang-orang yang mahu mengambil jalan kepada Tuhannya. [25:57]

رسائل الراوي

Rasail Ar-Rowi

SURAT-SURAT DARI QALAM HADHRAT FAQIR HAQIR FANI MAULAWI JALALUDDIN AHMAD AR-ROWI AL-AMANI

Naqshabandi Mujaddidi Uwaisi Ghaffarallahu Lahu Wali Walidaihi Wali Masyaikhihi Wali Jami'il-Muslimin Ila Yaumiddin

JILID 1

2009-2010/1430-1431

Rasail Ar-Rowi Jilid Pertama

Terbitan Edaran:

Khazanah Naqshabandiyyah

Naqshaband Akademi Quran Sunnah & Hadits

Markazi Khanqah Khaliliyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah

Selayang Selangor Darul Ehsan

31 Disember 2012 M / 17 Safar 1434 H

رسائل الراوي

Rasail Ar-Rowi

KANDUNGAN
RASAIL AR-ROWI JILID PERTAMA

MUQADDIMAH



SURAT PERTAMA

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia.

Assalamualaikum, Semoga Rahmat Allah ke atas orang-orang yang mencari jalan menuju kepadaNya. Hamba yang faqir ini telah menerima pesanan dari saudara dan memahami maksudnya.

Perjalanan menuju Allah menerusi petunjuk Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Hadharat Para Masyaikh Kiram Naqshabandiyah Mujaddidiyah adalah menerusi Zikrullah yang sebanyak-banyaknya, Muraqabah dengan kaifiyatnya dan mewujudkan ikatan hubungan keruhanian dengan Para Masyaikh menerusi amalan Rabitah dengan hati yang ikhlas dan penuh adab secara Zahir mahupun Batin. Untuk menjelaskan satu persatu tentang Muqaddimah Tariqat serta awal perjalanannya di ruang yang terhad ini adalah tidak memuaskan. Untuk memahami dasar-dasar penting Tariqat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah, hamba sarankan agar saudara membaca e-buku hamba yang berjudul:

1. "Asas-Asas Tariqat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah" (Qawaid Naqshabandiyyah)
2. "Muqaddimah Ar-Risalah 'Aaliyyah" (Jilid 1)
3. "Ar-Risalah Al-'Aaliyyah" (Jilid 2, 3 & 4)

Saudara boleh membaca e-buku saya terlebih dahulu dan boleh bertanya jika ada sebarang kemusykilan. Doa hamba, mudah-mudahan Allah membuka jalan yang selebar-lebarnya untuk saudara menuju Kehadhrat Allah dan diberikan kekuatan untuk beramal demi keredhaanNya.

Akhir kata dari hamba yang dhaif ini, doakanlah juga untuk diri hamba dan seluruh Ummat Muslimin di serata alam sehingga ke Hari Qiyamat.

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Az:
Faqir Haqir Khak Paey Buzurgan La Syaik Miskin Fani
Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi
Naqshbandi Mujaddidi Uwaisi

SURAT KEDUA

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Wa'alaikum As-Salam.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah memberikan petunjuk dan HidayahNya kepada sesiapa sahaja dari kalangan hamba-hambaNya yang beriman untuk lebih mendekatkan diri dengan ZatNya Yang Haqq.

Hamba yang dhaif dan faqir ini telah menerima bimbingan Tariqat dari sebilangan Masyaikh. Walaubagaimanapun, Tawajjuh Rabitah hamba kini adalah Syaikh hamba, Hadhrat Khwajah Khwajagan Maulana Khan Muhammad Sahib Rahmatullah 'Alaih yang kini sedang berada di Khanqah Sirajiah, Kundiyan Sharif, Mianwali, di Pakistan dan berusia hampir 90 tahun, agak terlalu uzur untuk melakukan Safar. Beliau adalah salah seorang Wali Qutub yang tinggi Martabat Ruhaninya dan amat dikenali di serata benua Hindi, terutamanya di Pakistan, Afghanistan, India, England dan Bangladesh. Beliau adalah Amir bagi pertubuhan 'Alami Majlis Tahaffuz Khatamun Nubuwwat yang memerangi kelompok Ahmadiah Qadiani yang diasaskan oleh Mirza Ghulam Qadiani.

Ciri-ciri seorang Syaikh yang sempurna adalah Zahir menurut Syari'at Sunnah Nabawiyyah dan Batin dengan Haqiqat keyakinan terhadap Allah.

Wallahu A'lam.

SURAT KETIGA

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Wa'alaikumussalam.

Semoga Allah memberi petunjuk kepada mereka yang memerlukan petunjuk. Tiada manusia yang sempurna kecuali Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Dalam keadaan saudara yang benar-benar memerlukan seorang Syaikh Murshid sebagai pembimbing Ruhani, hamba sarankan agar saudara melakukan Solat Hajat dan Istikharah di malam hari lalu memohon kepada Allah agar ditemukan dengan seorang yang benar-benar dapat membimbing perjalanan Ruhani saudara.

Sesungguhnya bagi setiap hamba-hambaNya yang beriman telah ditetapkan semenjak azali dari siapa dia akan memperolehi manafaat bimbingan dan limpahan keruhanian. Ikhlaskan hati semata-mata kerana Allah dan perbanyakkanlah Istighfar dan Zikrullah. Untuk permulaan, saudara boleh mengamalkan Zikir yang umum iaitu:

1. Kalimah Baqiyat As-Solihat: ***Subhanallah Walhamdulillah Wala Ilaha Illa Allah Wallahu Akbar*** - 100 x pagi dan petang.
2. Salawat: ***Allahumma Salli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala Aali Sayyidina Muhammad*** - 100 x pagi dan petang.
3. Istighfar: ***Astaghfirullahal 'Azima Wa Atubu Ilaihi*** - 100 x pagi dan petang.

Amalkanlah Zikir tersebut setiap hari sambil melakukan Solat Hajat dan Istikharah seperti yang telah hamba nyatakan. Bermohonlah dengan bersungguh-sungguh agar Allah menemukan saudara dengan seorang Murshid yang dapat membimbing perjalanan Ruhani saudara. Semoga Allah memberikan Rahmat dan Hidayat, Amin.

SURAT KEEMPAT

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah Wa 'Ala Man Ittaba'ahu Bi Ihsanin Ila Yaumil Qiyamah. Wa Ba'd;

Surat saudara telah faqir terima dan memahami kandungan isinya. Adapun untuk menuruti jalan Silsilah 'Aaliyyah Naqshabandiyyah adalah dengan limpahan Rahmat dan Kekurniaan dari Allah Ta'ala kerana ia merupakan jalan yang terlah ditempuh oleh Para Nabiyyin, Siddiqin, Syuhada dan Salihin yang sangat tinggi darjatnya di sisi Allah. Hamba yang faqir ini sekali-kali tidak pernah mendakwa bahawa hamba adalah dari kalangan mereka, tetapi hamba adalah orang yang mencintai mereka dan perjalanan mereka serta beramal dengan panduan dan nasihat mereka kerana mereka senantiasa hidup di sisi Allah dan menurut mafhum Hadits Nabawi dari Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda,

"Al-Mar-u Ma'a Man Ahabba".

Yang bermaksud, seseorang itu pasti akan dapat bersama-sama dengan siapa yang dia kasihi.

Perjalanan Naqshabandiyyah adalah perjalanan Ruhaniah dan sebagai penuntut, kita perlu menghubungkan Ruhani kita dengan Ruhaniah Para Masyaikh yang terdahulu sehinggalah kepada Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam berdasarkan perasaan cinta yang ikhlas dan mendalam. Cinta perlu dipupuk kerana apabila kita memupuk cinta kita terhadap Allah dan terhadap orang-orang yang

mencintai Allah, maka gelombang cinta kita itu akan mendapat tindak balas dari orang yang kita cinta itu dan natijahnya, suatu masa kelak kita pasti akan dapat bersama dengan orang yang kita cintai itu. Atas maksud ini, kita sebagai hamba Allah yang menginginkan kebaikan di Dunia dan Akhirat perlulah mencintai Allah, Para NabiNya dan Para AhliNya. Cinta dari pihak mereka akan datang dalam limpahan sanubari apabila kita terus memikirkan tentang mereka dan memahami perkataan serta ucapan mereka. Mereka adalah zat-zat yang hidup dalam meingingati Zat Allah dan menggalakkan zat-zat yang lain agar turut mengingati Zat Allah.

Setelah meminta petunjuk dari Hadhrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala berkenaan saudara, maka Allah Ta'ala telah memberikan ilham kepada faqir ini untuk menerima saudara sebagai Murid. Allah Ta'ala jualah yang telah membukakan hati saudara untuk memilih perjalanan ini dan mentaqdirkan saudara dapat menerima limpahan Naqshabandiyyah menerusi tulisan hamba. Maka, untuk menyempurnakan nikmat kurniaan dari Allah ini, saudara perlulah mengambil Bai'ah. Dengan kedudukan hamba yang agak jauh dari saudara, carilah suatu masa yang baik dan sesuai untuk saudara melakukan upacara Bai'ah. Saudara boleh melakukannya sendiri sebelum diberikan kesempatan bertemu hamba, yang mana jika dapat bertemu, hendaklah memperbaharukan Bai'ah dengan adab dan tertib yang sempurna. Adapun untuk melakukan Bai'ah secara berseorangan melalui Tariqat Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah Uwaisiyyah adalah seperti berikut:

1. Pada waktu sesudah Solat 'Isya sebaik-baiknya ketika waktu Tahajjud, ambil Wudhu dengan sempurna dan tunaikan Solat dua rakaat dengan niat Taubat dan Hajat.

2. Setelah memberi Salam, bacalah Surah Al-Fatihah sekali dengan Ta'awwudz dan Bismillah, Surah Al-Ikhlas tiga kali dengan Bismillah dan hadiahkan pahala bacaan tersebut kepada Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sekelian Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aaliyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah seperti berikut: **"Ya Allah, telah kuhadiahkan seumpama pahala bacaan Fatihah dan Qul Huwallah kepada Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sekelian Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aaliyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah khasnya kepada Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi,"** kemudian niatkan di dalam hati hendak melakukan Bai'ah.

3. Lakukan Rabitah iaitu pertamanya dengan menggambarkan wajah hamba yang faqir ini dalam fikiran dan membayangkan Ruhani hamba sedang berhadapan dengan Ruhani saudara dan kemudian menempati tubuh badan saudara. Setelah dapat membayangkan Ruhaniah hamba di dalam tubuh badan saudara, hendaklah membayangkan Ruhaniah Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam berada berhadapan dengan diri. Kemudian bayangkan saudara sedang duduk berhadapan dengan Baginda Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam keadaan duduk antara dua sujud sambil memegang tangan Baginda Nabi Sallallahu

'Alaihi Wasallam dan menerima limpahan darinya. Setelah dapat menggambarkan bayangan gambaran tersebut di dalam hati dan fikiran, maka ucapkanlah:

1. ***A'uzu Billahi Minasyaitanir Rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim.***
2. ***Astaghfirullaha Rabbi Min Kulli Zanbin Wa Atubu Ilaih*** - 3 X
3. ***Ashhadu An La Ilaha Illa Allah Wahdahu La Syarika Lahu, Wa Ashhadu Anna Muhammadan 'Abduhu Wa Rasuluhu*** - 3 x
4. ***Aamantu Billahi Wa Malaaikatihi Wa Kutubihi Wa Rusulihi Wal-Yaumil-Aakhir Wal-Qadri Khairihi Wa Syarrihi Minallahi Ta'ala Wal-Ba'tsi Ba'dal-Maut.***

Setelah melakukan seperti yang dinyatakan, hendaklah mengangkat tangan berdoa Kehadhrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar Dia memberikan limpahan Rahmat dan Keberkatan atas niat menempuh perjalanan Ruhaniah. Seterusnya, saudara boleh beramal dengan Kaifiyat Zikir Ismu Zat iaitu mengucapkan lafaz ***Allah Allah*** di dalam hati sambil menongkatkan lidah ke langit-langit dengan cepat dan laju sebanyak-banyaknya. Bagi Murid permulaan hendaklah berzikir sebanyak dua puluh empat ribu sehari semalam. Sebelum bezikir Ismu Zat, lakukan Kaifiyatnya terlebih dahulu iaitu mengucapkan Istighfar Taubat sebanyak 25 kali, kemudian membaca Surah Fatihah beserta Ta'awwudz dan Bismillah sekali, Surah Al-Ikhlas dengan Bismillah sebanyak tiga kali dan hadiahkan pahalanya kepada sekelian Rauhaniah Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aaliyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah Uwaisiyyah. Kemudian, bayangkan bahawa diri sudah mati, dimandikan orang, dikapankan orang dan dihantarkan orang jenazah diri kita ke dalam liang lahad. Ucapkan ***Allah Allah*** di dalam hati sambil membayangkan limpahan Faidhz dari arah atas mengalir terlimpah ke hati iaitu Latifah Qalb yang kedudukannya adalah di bawah tetek kiri pada anggaran dua jari dan condong sedikit ke arah ketiak. Perlu berzikir menyebut ***Allah Allah*** dari kedudukan tersebut tanpa suara dan tanpa menggerakkan lidah. Tumpukan pandangan Batin terhadap kedudukan Latifah Qalb dan pastikan Qalb memberikan tumpuan Tawajjuhnya terhadap pengucapan lafaz ***Allah Allah.*** Ini dinamakan ***Wuquf Qalbi.*** Ketika mengucapkan ***Allah Allah,*** hendaklah memahamkan makna lafaz tersebut, janganlah sekadar menyebut tanpa memahami maknanya kerana yang sedemikian itu seumpama seekor burung kakak tua. Adapun makna lafaz ***Allah*** ialah: **"Nama bagi Zat yang Wajib wujudNya serta terhimpun padaNya segala sifat kesempurnaan dan suci dari sebarang kelemahan dan kekurangan."** Hendaklah tekun memperbanyakkan Zikir Khafi ini sambil berjalan, bangun, berbaring dan duduk sambil membayangkan limpahan dari Allah terlimpah ke hati kita. Jika ketika sedang berzikir, fikiran kita dihanyutkan dengan memikiri sesuatu yang selain Allah, cepat-cepat ucapkan kalimah ***Baz Gasht*** seperti berikut:

"Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhaka Matlubi, A'tini Mahabbataka Wa Ma'rifataka."

Ya Tuhanku, Engkaulah maksudku dan Keridhaan Engkaulah yang ku tuntut,
Kurniakanlah Cinta Kasih Sayang dan Ma'rifat ZatMu.

Demikianlah secara ringkas yang dapat hamba jelaskan mengenai persoalan saudara. Mudah-mudahan Allah Ta'ala memberikan Taufiq.

Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

SURAT KELIMA

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Asyra'u Bismillahi Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah.

Berkenaan mengambil Wudhu dengan sempurna adalah dengan memelihara perkara yang Rukun dengan syaratnya dan melaksanakan yang Sunnah dengan adabnya.

1. Mulakan dengan Bismillah dan niat Wudhu di dalam hati jika tidak mengetahuinya dalam Bahasa Arab iaitu **"Sahaja aku mengambil wudhu untuk mengangkat hadas kecil fardhu ke atas aku kerana Allah Ta'ala"** sambil mengadap ke arah Qiblat dan membasuh kedua pergelangan tangan dengan Air Mutlaq iaitu air yang bersih samada dari paip air ataupun dari kolam dan sebagainya, sebanyak tiga kali.

2. Berkumur sebanyak tiga kali.

3. Basuh hidung dengan ***Istinshaq*** yakni menyedutkan sedikit air ke dalam rongga hidung sebanyak tiga kali. Ketiga-tiga perkara ini adalah Sunnah.

4. Membasuh muka sebanyak tiga kali dari anak rambut di dahi sehingga ke dagu dan dari anak telinga kanan hingga ke anak telinga kiri. Jika terlebih tidak mengapa namun jangan sampai seperti membasuh kepala. Bersihkan anggota-anggota wajah dengan tapak jari.

5. Membasuh kedua tangan sehingga ke anak siku atau atas sedikit tidak mengapa senyak tiga kali dan dimulakan dengan tangan kanan.

6. Menyapu air di kepala. Sekali sudah memadai namun tiga kali adalah Sunnah. Sebaiknya ialah seperempat dari bahagian kepala iaitu dalam anggaran satu tapak tangan di atas kepala. Dengan air dari tangan tadi bersihkan dengan jari kedua belah telinga kanan dan kiri.

7. Basuh kedua kaki kanan dan kiri sehingga ke paras buku lali atau ke paras betis dan menyelai-nyelai anak-anak jari kaki dengan anak jari tangan. Keempat-empat perkara di atas adalah Rukun yang wajib. Sesudah selesai, mengadap Qiblat sambil membaca doa:

"Ashhadu An La Ilaha Illa Allah Wahdahu La Syarikalah,
Wa Ashhadu Anna Muhammadan 'Abduhu Warasuluh.
Allahummaj'alni Minattawwabina Wal Mutatohhirin."

Selesai Wudhu.

Kaifiyat Solat Taubat dan Hajat dua rakaat adalah seperti berikut:

Mengadap Qiblat atas kain sejadah dan niat, **"Sahaja aku Solat Sunnat Taubat dan Hajat dua rakaat kerana Allah Ta'ala."** Lalu mengucapkan Takbir ***"Allahu Akbar"*** dan Qiyam. Baca Surah Al-Fatihah beserta Bismillah dan Surah Al-Ikhlas tiga kali dalam rakaat pertama tanpa Bismillah, kemudian Ruku' sambil mengucapkan ***"Subhana Rabbiyal-'Azhim"*** sebanyak tiga kali, I'tidal, Sujud dengan mengucapkan ***"Subhana Rabbiyal-A'la"*** sebanyak tiga kali, duduk Qa'adah antara dua sujud, Sujud sekali lagi dengan ucapan Tasbih tadi dan kemudian bangkit lalu Qiyam. Baca seperti di rakaat pertama tadi iaitu Surah Fatihah dan Qulhuwallah dan seterusnya sama sehingga Sujud yang terakhir lalu duduk untuk Tahiyyat serta membaca:

"Attahiyyatu Lillah. Assalamu 'Alaika Ayyuhan Nabiyyu Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamu 'Alaina Wa 'Ala 'Ibadillahis Solihin. Ashhadu An La Ilaha Illa Allah, Wa Ashhadu Anna Muhammadan 'Abduhu Wa Rasuluh. Allahumma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala Aali Sayyidina Muhammad."

Kemudian memberi Salam sambil menoleh ke kanan dan sekali lagi Salam sambil menoleh ke kiri.

Adapun wajah hamba tidaklah begitu penting, yang mustahak adalah menggambarkan Ruhani secara khayalan. Semoga Allah memudahkan segala urusan. Wassalam

Faqir Haqir Khak Paey Buzurgan
Jalaluddin Ahmad

SURAT KEENAM

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Wa'alaikumussalam.

Berkenaan mengambarkan Ruhani secara khayalan bermaksud kita membayangkan dalam ruang fikiran kita bayangan wajah atau bayangan tubuh seseorang yang kita ingin maksudkan seolah olah kita sedang melihatnya berada di hadapan kita. Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

"An Ta'budullaha Ka Annaka Tarahu"

Hendaklah seseorang kamu menyembah Allah dalam keadaan seolah-olah kamu melihatNya.

Hadits ini bermaksud bahawa dalam mewujudkan hubungan Ruhani dengan Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kita perlu menghadirkan bayangan ini.

Oleh kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala adalah Maha Tinggi dan tidak menyerupai sebarang makhluk, kita hanya dapat membayangkan limpahan Nur FaidhzNya yang datang dari arah atas di hadapan kita. Adapun "atas" bukanlah bermaksud menyatakan bahawa Allah itu bertempat, tetapi bagi menunjukkan ketinggian ZatNya Yang Maha Mulia. Adapun untuk mewujudkan hubungan Ruhani dengan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, perlulah menghadirkan bayangan Ruhani baginda secara khayalan, sepertimana Hadhrat Uwais Al-Qarani berkhayal tentang rupa wajah dan keadaan tubuh Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Dalam hal keadaan beliau yang tidak pernah melihat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam secara jasmani, beliau dapat mewujudkan ikatan perhubungan Ruhaniah dengan Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam secara Batin.

Adapun untuk mewujudkan hubungan Ruhaniah dengan Para Masyaikh juga perlu secara demikian, kita mengkhayalkan Ruhaniah mereka. Gambaran yang tidak begitu jelas tidak mengapa asalkan adab dapat diberikan perhatian, sepertimana dalam keadaan zahir adab perlu dijaga ketika bersama mereka, begitulah juga dalam keadaan batin juga adab perlu dijaga.

Membayangkan Ruhaniah secara khayalan adalah proses Rabitah yang cuma perlu dilakukan di dalam fikiran dan hati sahaja. Oleh kerana kebanyakan Salik Mubtadi yang lemah dalam menggunakan kemampuan fikiran dan hatinya, maka sebahagian Masyaikh membenarkan penggunaan gambar foto Syeikh hanya untuk tujuan Rabitah, bukan atas maksud lain. Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah makhluk, begitu juga Para Masyaikh adalah makhluk, maka kerana itu Ruhaniah mereka dapat dibuatkan gambaran secara khayalan. Sedangkan Allah tidak menyerupai makhluk dan tiada sesuatupun yang dapat menyerupai Allah.

Para Masyaikh di Nusantara dan Timur Tengah kebanyakannya membenarkan penggunaan gambar foto untuk tujuan Rabitah, namun Para Masyaikh Khurasan dan di Tanah Hindi melarang penggunaan gambar meskipun untuk tujuan Rabitah kerana ianya bertentangan dengan Sunnah.

Hamba yang faqir ini sekadar mengikut tindakan dan pengamalan Para Masyaikh dan lebih cenderung dengan pemahaman Masyaikh Khurasan dan Tanah Hindi. Namun atas tujuan Rabitah Guru dan Murid, hamba sertakan foto hamba yang faqir ini dengan tujuan yang dimaksudkan. Semoga Allah memberikan Taufiq.

Wassalam.

Faqir Jalalludin Ahmad

SURAT KETUJUH

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Wa'alaikumussalam. Nahmaduhu Wa Nusolli 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du.

Adapun Kaifiyat Zikir Ismu Zat pada Latifah Qalb perlulah dilakukan oleh seseorang Salik yang Mubtadi setiap hari sehinggalah terhasilnya warid iaitu sifat Kemalaikatan yang begitu cenderung untuk mentaati segala perintah Allah.

Pada masa tersebut, hendaklah teguh berpegang dengan Sunnah Nabawiyah dalam setiap hal dan keadaan dengan mengerjakan Solat lima waktu. Amalkan pembacaan doa-doa Masnun dan banyakkan membaca Al-Quran. Amalkan pembacaan Syajarah Tayyibah kerana ianya akan menguatkan hubungan Ruhaniah dengan sekelian Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah.

Pada waktu khusus bayangkan limpahan faidhz dari arah 'Arash terlimpah kepada hati Latifah Qalb Ruhaniah Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan bayangkan limpahan tersebut terlimpah ke dada Hadhrat Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq Radhiyallahu 'Anhu dan dari dadanya ke dada Hadhrat Salman Al-Farisi Radhiyallahu 'Anhu.

Demikianlah seterusnya menurut silsilah Syajarah Tayyibah yang mulia sehingga perlu dibayangkan setiap Para Masyaikh menerima limpahan Faidhz tersebut sehinggalah kepada hamba yang faqir lagi miskin ini. Seterusnya perlulah membayangkan Faidhz dari dada faqir terlimpah ke dadamu menuju ke Latifah Qalb.

Bayangan limpahan faidhz tersebut perlu dikekalkan dalam bayangan fikiran sambil lidah hati menyebut Allah-Allah. Ketika waktu yang umum, perhatikan limpahan Faidhz tersebut dengan mata hati sambil Wuquf Qalbi iaitu diri memberikan tumpuannya terhadap hati dan hati pula sedang memberikan tumpuan terhadap Allah.

Untuk memudahkan Musyahadah melihat limpahan Faidhz tersebut perlulah melakukan Zikrullah sebanyak-banyaknya. Maka kerana itulah Para Masyaikh telah menetapkan sejumlah bilangan dua puluh empat ribu sehari semalam yang boleh dilakukan dalam tempoh dua setengah jam.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KELAPAN

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Wa'alaikumussalam. Bismihi Ta'ala Wa Bihi Nasta'in.

Bai'ah seorang Murid dengan seseorang Syeikh samada secara zahir mahupun batin adalah bererti dia berbai'ah dengan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan seseorang yang berbai'ah dengan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah bererti dia berbai'ah dengan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Jika upacara Bai'ah secara Uwaisi telah dilakukan maka ianya sudah mencukupi. Faqir sentiasa berdoa kepada Allah agar Dia menerima segala niat kamu yang baik untuk mencintaiNya. Kuatkan diri dengan beramal ibadah dan teguh menuruti Sunnah. Berzikir Allah Allah di dalam hati sambil berjalan, duduk, bangun dan berdiri dalam keadaan mata hati sentiasa membayangkan limpahan faidhz terlimpah pada Latifah Qalb. Perbanyakkan doa kepada Allah agar Dia menetapkan kaki kita menuruti jalan petunjuk HidayahNya dengan hati yang ikhlas dan suci. Jangan lupa mengkhabarkan kepada hamba segala perubahan yang berlaku dalam jiwa dan perasaan dan sekiranya ada mimpi-mimpi yang membawa sesuatu perkhabaran. Semoga Allah memberikan Taufiq dan RahmatNya.

Wasallam.

Faqir Jalaludin Ar-Rowi ʻUfiya ʻAnhu

SURAT KESEMBILAN

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Wa'alaikumussalam Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh Wa Maghfiratuhu. La Haula Wa La Quwwata Illa Billah.

Faqir di sini mendoakan kamu sejahtera. Ilmu yang tersurat tidak akan dapat menjelaskan sesuatu yang tersirat jika tidak difahami dan dikaji dengan mendalam. Kefahaman hanya datang dari sumber Yang Maha Satu. Di sisiNya tersimpan segala khazanah ilmu yang tak mampu ditanggung oleh jiwa-jiwa yang lemah. Al-Quran adalah sumber Ma'rifat dan Hadits Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah sumber Tariqat. Kedua-duanya adalah untuk mencapai kesempurnaan Syari'at dan Haqiqat. Karangan perkataan hamba yang dhaif ini tidaklah sebanding dengan perktaan Kalam Allah dan Rasul. Adalah lebih baik untuk seseorang yang memulakan perjalanan menuju Allah mempelajari dan memahami perkataan-perkataan Allah kerana darjat ketinggian perkataan Allah adalah mengatasi segala kemuliaan perkataan makhluk.

Tiada daya upaya hamba untuk menggerakkan jari-jemari dan akal fikiran untuk berfikir dan mengolahkan perkataan untuk menerbitkan sebarang karangan yang seumpama Kalam Allah dan Kalam Rasul. Yang mampu hamba ungkapkan adalah jalan untuk mendekati kedua-dua sumber tersebut.

Tariqat adalah untuk membersihkan hati, ruh dan akal fikiran dari memikirkan sesuatu yang selain Allah. Hanya Allah yang menjadi maksud dan hanya keredhaanNya yang perlu dituntut. Pohonlah dari Allah perasaan Cinta dan ilmu Ma'rifat terhadap ZatNya. Dia yang memimpin kita ke jalanNya dengan pandangan Basirah mata hati.

Seseorang yang beramal dengan apa yang diketahu olehnya, nescaya Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan mewariskan untuknya ilmu-ilmu yang tidak pernah diketahui olehnya. Adapun berkenaan Ar-Risalah Al-'Aliyah jilid keempat akan menyusul terbitannya. Hamba yang dhaif ini memohon diberikan ruang masa dan keupayaan dari Allah untuk menyempurnakan penulisannya. Doakanlah hamba agar dipermudahkan segala urusan. Mudah-mudahan Allah memimpin hamba dengan RahmatNya.

Wassalam.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KESEPULUH

Kepada Saudara Abdul Qodir Zaelani, Tanggerang, Indonesia

Wa'alaikum As-Salam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sesungguhnya Allah Maha Memelihara hamba-hambaNya yang sentiasa memohon perlindungan dariNya. Tiada yang dapat memberikan sebarang mudharat segala apapun yang di langit mahupun yang di bumi dengan berkat Nama Allah Yang Maha Suci.

Adapun berkenaan masaalah kamu, apa yang dapat hamba nyatakan, beramallah dengan Ayat Mubarakah iaitu himpunan 33 ayat-ayat suci Al-Quran yang terpilih untuk melindungi diri dan keluarga serta harta benda dari segala kejahatan jin, manusia dan haiwan yang buas mahupun berbisa. Ayat-ayat ini hamba telah memperolehinya dari Hadhrat Syeikh hamba, Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana Khan Muhammad Rahmatullah ‘Alaih sewaktu hamba bersuhbah dengannya di Khanqah Sirajiah.

Cara beramal dengannya hendaklah membacanya setiap hari pada waktu pagi dan petang. Pagi iaitu dari sesudah Subuh sehinggalah sebelum Zuhur. Petang iaitu dari sesudah Asar sehinggalah sebelum Subuh, demi perlindungan untuk diri sendiri.

Untuk mengubati seseorang yang lain, hendaklah membacanya dengan suara yang perlahan dengan agak dapat didengar oleh telinga sendiri, sesudah habis membacanya hendaklah ditiupkan kepada orang yang terkena gangguan. Jika dengan sekali bacaan tidak memberikan kesan, hendaklah menumpukan kepada bantuan Ruhaniah Para Masyaikh dan baca sekali lagi sambil membayangkan limpahan Faidhz mereka melenyapkan segala kejahatan Jin serta Iblis, dan kemudian tiupkan kepada pesakit. Jika kali kedua tidak berhasil, lakukan Solat Hajat dengan wudhu yang sempurna, sesudah salam, baca sekali lagi ayat-ayat Mubarakah tersebut sambil benar-benar mengharapkan bantuan Allah menerusi ayat-ayat Suci dari KalamNya yang diberkati, lalu hendaklah meniupkannya kepada saudaramu yang sakit. Insya Allah kepadaNya kita mohon berharap.

Cara penyembuhan yang lain adalah dengan cara membacakan ayat-ayat Mubarakah tersebut lalu hembuskan kepada sebekas air, lalu diberi minum dan sapukan pada seluruh badan. Insya Allah akan terpelihara dia dari gangguan. Sarankan adikmu memelihara Solat lima waktu, berzikir dan membaca Al-Quran kerana ianya adalah benteng pertahanan Muslim yang paling ampuh dari sebarang gangguan Jin dan Syaitan. Sila muat-turun Ayat Mubarakah dari laman hamba dan amalkannya kerana hamba sendiri menggunakannya untuk tujuan penyembuhan orang-orang yang terkena gangguan dan ianya amat ampuh dan mujarab selagi keyakinan kita teguh terhadap Ar-Rabb. Semoga Allah merahmatimu dan membantu segala urusanmu.

Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi
Naqshbandi Mujaddidi 'Ufiya 'Anhu Wa'an Walidaihi

SURAT KESEBELAS

Kepada Saudara Bahauddin Jalal Naqshabandi

Wa'alaikum As-Salam.

Semoga Rahmat Allah sentiasa terlimpah ke atas orang-orang yang bertemu dan berpisah kerana Allah. Hamba yang faqir ini telah menerima kata-kata aluan saudara meskipun hamba rasa tidak layak menerimanya, walaubagaimanapun terima kasih kerana sudi membaca hasil penulisan saya yang tak seberapa. Harapan hamba, dapatlah kiranya risalah-risalah yang hamba karangkan itu dapat menjadi pedoman dan panduan untuk mereka yang sedang mencari jalan mahupun yang sudah menemui jalan, agar dapatlah ianya menjadi ilmu yang bermanafaat untuk bekalan hidup hamba ketika menjalani kehidupan Akhirat kelak.

Doa hamba untuk sekelian para pembaca agar diberikan taufiq dan hidayah untuk terus berjalan atas perjalanan tariqat Sufiyah yang Haqq.

Wassalam.

Faqir Haqir Khak Paey Buzurgan La Syaik Miskin,
Maulawi Jalalludin Ahmad Ar-Rowi
Naqshbandi Mujaddidi 'Ufiya 'Anhu Wa'an Walidaihi

SURAT KEDUABELAS

Kepada Saudara Nur Ekhsan

Assalamu'alaikum Warahmatullah.

Alhamdulillah. Jika saudara berminat, maka boleh ambil bai'ah dan beramal serta belajar. Sebaiknya melakukan Solat hajat dan istikharah terlebih dahulu, mohonkan kebaikan yang sempurna menerusi perjalanan tariqat ini.

Wassalam

Hadhrat Faqir Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiyallahu 'Anhu

SURAT KETIGABELAS

Kepada Saudara Nur Ekhsan

Assalamu'alaikum Warahmatullah.

Semoga Allah memberikan kita petunjuk dan Hidayah. Berkenaan minat saudara terhadap Tariqat ini, untuk mengamalkannya saudara boleh melakukan Bai'ah. Sama ada Bai'ah dilakukan secara zahir mahupun batin. Secara zahir adalah dengan datang kepada hamba yang faqir ini untuk tujuan Bai'ah atau jika ada kesukaran, maka boleh dilakukan dalam jarak jauh. Khabarkan kepada hamba jika saudara sudah benar-benar bersedia. Semoga Allah merahmati.

Wassalam.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiyallahu 'Anhu

SURAT KEEMPATBELAS

Kepada Saudara Rahbani Ahmad, Melaka

Wa'alaikumussalam Warahmatullah.

Alhamdulillah, semoga Allah merahmati hasratmu dan menjadikan kamu sebagai asbab hidayah untuk manusia yang lain.

Berkenaan permohonan saudara untuk memuat turun risalah-risalah hamba itu, hamba izinkan. Segala yang baik adalah merupakan ilham dari Allah manakala yang salah dan silap itu adalah dari kelemahan nafsi hamba. Harapan hamba, agar dapatlah para penuntut Haqq dapat mengambil manafaat dari segala huraian yang hamba dhaif ini berikan. Hanya doa-doa kebaikan dari sekelian hadhrat pembaca yang hamba harapkan, mudah-mudahan mereka beroleh petunjuk.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiyallahu 'Anhu

SURAT KELIMABELAS

Kepada Saudara Rahbani Ahmad, Melaka

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari hamba yang dhaif faqir Jalaluddin Ahmad 'Ufiya 'Anhu kepada saudaraku yang berada atas perjalanan Tariqat Silsilah 'Aliyah Naqshabandiyyah, semoga Allah merahmatimu.

Adapun himpunan tentang perkara asas Tariqat Naqshabandiyyah ada hamba karangkan dalam sebuah buku yang berjudul: "Asas-Asas Tariqat Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah." Adapun yang khusus berkenaan Lataif dan Daerah Imkan ada hamba karangkan dalam sebuah risalah yang berjudul: "Miftah Al-Insyirah Fi Lataif Al-'Asyarah."

Adapun karangan hamba yang berjudul "Ar-Risalah Al-'Aaliyyah" adalah yang lebih mencakup secara keseluruhan tentang perjalanan Tariqat Silsilah 'Aaliyyah Naqshabandiyyah Mujaddidiyyah. Risalah ini telah hamba terbitkan secara berjilid iaitu Vol. 1, 2, 3 & 4, jilid yang berikutnya bakal menyusul, insya Allah Ta'ala. Risalah ini juga ada hamba terbitkan dalam bentuk edisi kecil dengan judul Ar-Risalah Al-'Aaliyyah [Sughra] yang mengandungi 19 bab.

Saudara boleh membaca kesemua penulisan tentang Naqshabandiyyah ini dari laman scribd.com hamba dengan carian judul yang tertera, di samping itu saudara boleh juga membaca penulisan hamba yang lain yang berkisar tentang perjalanan Para Asfiya dan Awliya. Saudara juga boleh memuat turunkan e-buku tersebut dalam format pdf. Segala yang baik adalah dari Allah dan yang salah dan silap adalah dari kelemahan nafsu hamba yang dhaif. Harapan hamba semoga para penuntut Haqq beroleh manafaat dengan apa yang dituntut, mudah-mudahan menjadi asbab keselamatan dan kejayaan untuk hidup hamba di Dunia dan Akhirat.

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalalludin Ahmad Ar-Rowi
Naqshbandi Mujaddidi 'Ufiya 'Anhu Wa'an Walidaihi

SURAT KEENAMBELAS

Kepada Saudara Azmi Mohd Hatta

Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Nahmaduhu Wa Nusolli 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du.

Semoga Allah membimbing para penuntut Al-Haqq dan mengurniakan petunjuk Hidayah kepada mereka. Menurut mafhum Hadits Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam,

"Dunia dan segala isinya dilaknat Allah kecuali Para 'Alim, para penuntut ilmu dan segala sesuatu yang membawa kepada Zikrullah."

Hamba yang dhaif lagi faqir ini tiada apa yang untuk dipelajari kerana hamba sendiri akan sentiasa menjadi seorang penuntut Al-Haqq. Walaubagaimanapun dengan taufiq Allah, faqir ini memahami maksud hasrat hati saudara dan urusan ini tidaklah hamba dapat menolak kerana ianya berkaitan dengan ilmu untuk mengenal Allah dan jalan untuk makrifat ZatNya. Jika kenyataan saudara datang dari hati yang ikhlas, maka hamba juga bersedia berkhidmat dengan hati yang ikhlas. Untuk menguatkan keazaman dan memohon Taufiq dan Hidayah dari Allah, lakukanlah Solat Hajat dan Istikharah serta berdoa memohon ketetapan hati untuk belajar menuruti jalan perjalanan para Awliya dan Anbiya. Sekiranya hati telah tetap dengan keputusan, maka perlulah hadir ke pangkuan hamba untuk mengambil Bai'ah supaya menerima limpahan berkah ilmu pengetahuan yang dituntut. Hamba kini menetap di Selayang, Batu Caves. Akhir kata, hamba doakan semoga Allah merahmati kamu dengan limpahan FaidhzNya. ***Wassalam.***

Faqir Jalalludin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KETUJUHBELAS

Kepada Saudara Sritalan

Wa'alaikumussalam Warahmatullah.

Alhamdulillah, hamba yang faqir ini bersyukur kehadhrat Allah kerana ada juga dari kalangan hambaNya yang dapat mengambil manafaat dari hasil kerja penulisan hamba khususnya terjemahan Doa Kanzil 'Arash.

Adapun pengamalan doa Kanzil Arash ini amat baik dilakukan dengan niat yang ikhlas dan sesuai untuk diamalkan bagi memohon sesuatu hajat, samada hajat Duniawi mahupun Ukhrawi. Tiada kaifiyat yang khusus untuk membacanya, sebaik-baiknya dalam keadaan berwudhuk namun jika tidak berwudhuk tidak mengapa kerana ini merupakan amalan zikirullah dan boleh dibaca pada bila-bila masa sahaja ketika ada kelapangan. Sesudah membacanya bolehlah diajukan permohonan doa kepada Allah Yang Maha Esa. Sekadar membaca lafaz-lafaz zikir tanpa memahami pengertian makna tidak akan memberikan sebarang kesan ruhaniah, namun tetap beroleh pahala kerana maksud yang dituntut dari setiap amalan zikir adalah memahami pengertian makna lafaz zikir tersebut. Tiada faedah jika tiada memahami makna. Amalan ini adalah bersifat umum yakni boleh diamalkan oleh orang-orang awam tanpa memerlukan suatu kebenaran yang khusus. Adapun untuk mencapai peningkatan Ruhani dengan secra tertib, maka perlu diamalkan zikir yang diperolehi dari Murshid setelah berbai'ah dengan mana-mana aliran Tariqat. Amalan zikir yang dilakukan tanpa menerima secara khusus dari seseorang Murshid, hanya akan menambahkan pahala tanpa memberikan sebarang kesan peningkatan darjat. Semoga Allah memerikan petunjuk dan hidayah.

Wallahu A'lam Bissawab.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KELAPANBELAS

Kepada Saudara Sritalan

Bismillahi Walhamdulillahi Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah.

Semoga Allah sentiasa merahmati dan memberkati mereka yang sering menyebut-nyebut mengingati Nama-NamaNya dan memujiNya dan mensucikanNya dan membesarkanNya dengan kebesaran yang layak bagiNya.

Mudah-mudahan Allah menerima pujian kita yang amat terbatas ini demi kesucian ZatNya Yang Maha Esa, tiada yang bersekutu denganNya. Untuk mendapatkan pahala dan barakah yang lebih, amatlah baik saudara menghadiahkan juga pahala bacaan untuk seluruh ummat Islam lelaki dan wanita serta mendoakan keampunan untuk hamba yang hina ini dan sekelian Muslimin.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KESEMBILANBELAS

Kepada Saudara Sritalan

Alhamdulillah, puji dan syukur hanya bagi Allah yang telah memimpin hamba-hambaNya untuk menuju kepada keredhaanNya. Doa faqir mudah-mudahan Allah melimpahkan keredhaanNya terhadap mereka yang membaca zikir tasbih Kanzul 'Arash ini dan diberkati sepanjang hidupnya dan anak cucunya. ***Amin.***

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KEDUAPULUH

Kepada Saudara Mohd. Hanief

Bismillahi Ta'ala Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah.

Dari hamba yang faqir Jalaluddin Ahmad, kehadhrat saudaraku yang Hanif atas jalan Tariqat, semoga Allah merahmatimu dan memberikan kamu petunjuk Hidayat.

Adapun berkenaan Bai'ah saudara dengan Hadhrat Syeikh Muhammad Hisyam Kabbani adalah bai'ah yang sah atas perjalanan Tariqat Naqshbandiyah Haqqaniyah yang silsilahnya sampai kepada Hadhrat Syeikh Muhammad Nazim Adil Qubrusi Haqqani dan silsilahnya sampai kepada Hadhrat Syeikh Khalid Baghdadi Rahmatullah 'Alaih dan silsilahnya sampai kepada Hadhrat Shah 'Abdullah Ghulam 'Ali Dehlawi Rahmatullah 'Alaih dan silsilahnya sampai kepada Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Syeikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaih dan silsilahnya sampai kepada Hadhrat Shah Bahauddin Naqshbandi Rahmatullah 'Alaih menerusi Hadhrat Syeikhnya iaitu Hadhrat Khwajah Muhammad Baqi Billah Rahmatullah 'Alaih. Hadhrat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syeikh Ahmad Faruqi sebelum mengambil bay'ah dengan Hadhrat Khwajah Baqi Billah, sudah pun mengambil bay'ah dari ayahandanya Hadhrat Syeikh 'Abdul Ahad Rahmatullah 'Alaih yang juga merupakan syeikhnya atas perjalanan Tariqat Qadiriyah, Chishtiyah dan Suhrawardiyah serta beberapa silsilah Tariqat lain dari beberapa Masyaikh.

Hamba telah menghuraikan tentang permasaalahan Bay'ah dalam kitab hamba yang berjudul Ar-Risalah Al-'Aliyah [Sughra] pada Bab 1 berkenaan Bay'ah dan rujuklah pada halaman 135 -136 yang telah hamba nukilkan perkataan Hadhrat Shah 'Abdullah Ghulam 'Ali Dehlawi Rahmatullah 'Alaih tentang persoalan Bay'ah.

Bay'ah saudara untuk berada dalam Khandan Silsilah Naqshbandiyah sudah pun terhasil menerusi Hadhrat Syeikh Muhammad Hisyam Kabbani. Hamba yang faqir ini juga telah pernah mengambil Bay'ah dari beliau pada awal tahun 90'an dan sebelum itu hamba telah mengambil Bay'ah dari Hadhrat Syeikh Raja Ashman Shah di Bukit Damansara, Kuala Lumpur, yang mana silsilah beliau juga sampai kepada Hadhrat Syeikh Muhammad Nazim Haqqani. Menurut Hadhrat Shah Abdullah Ghulam 'Ali Dehlawi Rahmatullah 'Alaih, jika kita tidak merasakan faedah dari sesuatu kelompok maka adalah dibenarkan baginya mencari kelompok yang lain untuk tujuan Bay'ah mengambil faedah dan istifadah.

Adapun Silsilah Tariqat Naqshbandiyah yang melalui Hadhrat Syeikh Nazim Haqqani dikenali sebagai Tariqat Naqshbandiyah Haqqaniyah. Pengamalan dan kaifiyat zikirnya agak berbeza dengan Tariqat Naqshbandiyah Khalidiyah dan Naqshbandiyah Qadiriyah yang masyhur di sekitar rantau Nusantara, dan Naqshbandiyah Mujaddidiyah yang masyhur di benua Hindi. Ilmu tentang Lataifnya juga agak berbeza dengan apa yang telah dinyatakan oleh sebilangan besar Para Masyaikh Naqshbandiyah, khususnya Mujaddidiyah dan Khalidiyah. Walaubagaimanapun, perbezaan ini adalah suatu rahmat untuk ummat Muhammad kerana dalam silsilah Tariqat yang lain juga menampilkan ilmu Lataif dan Maqamat yang berbeza-beza. Adapun bagi hamba yang faqir haqir dhaif dan hina ini hanya mengharapkan limpahan kurniaan Faidhz dari Allah Ta'ala menerusi keberkatan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sekelian Para Masyaikh Naqshbandiyah Mujaddidiyah khasnya Hadhrat Shah Bahauddin Naqshband dan Hadhrat Mujaddid Alf Tsani Syeikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaihima dan khasnya menerusi syeikh hamba dan pembimbing ruhani hamba iaitu Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana Khan Muhammad Sahib yang bermastautin di Khanqah Sirajiyah, Mianwali, Kundiyan Syarif, Pakistan. Menerusi Hadhrat Khwajah Maulana Khan Muhammad Sahib, hamba yang faqir haqir ini menerima limpahan ilmu Mujaddidiyah dan Uwaisiyah. Adapun ranting Silsilah Naqshbandiyah Mujaddidiyah adalah amat banyak di benua Hindi dan sebahagiannya tersebar ke Timur dan Barat. Adapun hamba yang faqir ini telah mengambil ijazah dari Hadhrat Syeikh hamba di Khanqah Sirajiyah dan beliau telah memberikan keizinan kepada hamba untuk menerima Bay'ah dari sesiapa yang ingin menuntut Bay'ah atas perjalanan Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah.

Berkenaan persoalan sama ada saudara perlu berbay'ah kepada hamba yang faqir haqir ini, tentang itu sayugia hamba sarankan agar saudara melakukan Solat Hajat dan Istikharah terlebih dahulu dan berdoa memohon petunjuk Hidayah dari Allah Ta'ala.

Hamba ini sama sekali tidak berniat untuk mengumumkan Bay'ah, namun untuk memperolehi keberkatan dan limpahan yang sempurna dari sesebuah Khandan Silsilah Tariqat, maka perlulah berbay'ah menerusi wakilnya. Adapun hamba adalah wakil bagi Syeikh hamba yang berada di Khanqah Sirajiyah dan mereka yang telah mengambil Bay'ah dari hamba adalah ibu hamba dan ibu saudara hamba, isteri, rakanrakan yang rapat dan beberapa murid yang ingin menjadi Salik atas perjalanan Suluk Ila Malikil Muluk.

Membaca tulisan dan karangan hamba di dalam kitab adalah merupakan suatu rahmat petunjuk dari Allah Ta'ala namun pengetahuan yang terhasil hanyalah bersifat Zahir kerana pertalian ilmu yang sempurna adalah dari perkataan guru. Untuk mencapai kefahaman yang Batin dengan sempurna tentang perjalanan Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini, maka perlulah hadir mengambil Bay'ah agar limpahan ilmu keruhanian dan faidhz dari Al-Haq dapat dinikmati.

Adapun perjalanan menuju Allah adalah sangat sukar, namun menerusi keberkatan Hadharat Para Masyaikh Naqshbandiyah, Allah telah mempermudahkannya dan ketahuilah bahawa Zikir mengingati Allah adalah amalan yang terbesar dan Allah amat mengetahui apa yang kita kerjakan. Semoga Allah memberikan kamu rahmat dan petunjuk Hidayat.

Wassalam.

Faqir Haqir Khak Paey Buzurgan,
Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KEDUAPULUH SATU

Kepada Saudara Anwar Ali

Bismillah, Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Amma Ba'du.
Semoga Allah merahmatimu dan mungurniakan kepadamu petunjuk untuk mendekatkan dirimu kepada ZatNya Yang Maha Jati.

Muraqabah pada zahirnya bererti menjaga hati dari khayalan dan lintasan, manakala pada batinnya hendaklah sentiasa memelihara gambaran limpahan faidhz dari arah 'Arash terlimpah pada lataif Alam Amar dan Alam Khalaq. Pada zahirnya, seseorang yang muraqabah hendaklah duduk diam sambil menundukkan pandangan atau sambil memejamkan mata, manakala pada batinnya pula hendaklah memberikan tumpuan pada gambaran Musyahadah samada pada Musyahadah Qalb mahupun Musyahadah Nafs.

Zahir seseorang Salik Naqshbandi hendaklah berada bersama khalayak khalaq manakala pada batinnya hendaklah sentiasa bersama Al-Haqq. Muraqabah bererti memelihara hati dari sebarang lintasan sambil membayangkan limpahan Faidhz dari Zat Wajibul Wujud yang terhimpun padaNya segala sifat kesempurnaan dan suci dari sebrang kekurangan dan kelemahan.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah

Faqir Haqir Khak Paey Buzurgan La Syaik Miskin,
Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu.

SURAT KEDUAPULUH DUA

Kepada Saudara Anwar Ali

Assalamu'alaikum Warahmatullah, Bismillahi Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah.

Dari hamba yang dhaif haqir faqir Jalaluddin Ahmad kepada saudaraku yang ingin menempuh jalan menuju kehadhrat Tuhan Semesta Alam, semoga Allah Ta'ala memberikan petunjuk hidayah dan bimbingan. Sesungguhnya Rahmat Allah adalah amat dekat bagi mereka yang Muhsinin, iaitu orang-orang yang berusaha memperbaiki mutu amalan ibadahnya dengan jalan Ihsan, iaitu sentiasa memerhatikan cahaya nur limpahan Faidhz dari arah atas 'Arash yang terlimpah pada sekelian Lataif pada tubuh badan anak-anak Adam, seolah-olah kita memerhatikanNya. Andaikata tahap ini masih belum mampu dicapai, maka hendaklah sentiasa berkesedaran bahawa Allah Ta'ala sedang memerhatikan kita bahkan segenap tingkah laku, tutur kata, perasaan dan pemikiran kita. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi hati dan segala apa yang difikirkan. Ilmu adalah pengetahuan yang dapat membawa seseorang hamba mencapai pendekatan terhadap Allah Ta'ala. Pendekatan terhadap Allah bukanlah mudah untuk dicapai untuk mereka yang tiada cita-cita untuk melihat WajahNya, dan bukan payah untuk mereka yang hatinya hanya mencintai Allah dan sentiasa berusaha mencari jalan untuk mendekatkan dirinya terhadap ZatNya Yang Maha Suci. Allah menyesatkan sesiapa sahaja yang dikehendakiNya dan memberi hidayah kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya. Dia Maha Berbuat apa sahaja yang dikehendakiNya. Maka itu, perlulah kita sentiasa memohon RahmatNya agar Dia mengurniakan kita dengan cahaya petunjuk yang haqiqi untuk menuju pendekatan terhadap ZatNya Yang Maha Suci, iaitu dengan ilmu yang benar-benar dapat menjelaskan tentang jalan Nikmat yang telah ditempuh oleh sekelian para Nabi, Siddiqin, Syuhada dan Salihin.Jalan Tariqat kami adalah jalan Para Masyaikh Naqshbandiyah Mujaddidiyah dan kami mengutamakan zikir khafi mengatasi zikir jihri serta berpegang teguh dengan Sunnah Nabawiyyah.

Mengingati Allah dengan menyebut Nama ZatNya sebanyak-banyaknya pada setiap masa dan ketika iaitu sambil berjalan, duduk, berbaring mahupun berdiri serta bersuhbah dengan guru adalah merupakan dasar utama Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah yang mulia ini.Andaikata terdetik hasrat untuk menempuh perjalanan kami, maka adalah menjadi Sunnah untuk melakukan Bai'ah supaya pertalian silsilah dengan Hadharat Rauhaniah Para Masyaikh Naqshbandiyah Mujaddidiyah dapat terbina. Mohonlah petunjuk dari Allah dengan melakukan Solat Hajat dan Istikharah. Jika hati telah menjadi tetap dan berkesungguhan, maka hadirlah kepada hamba untuk maksud Bai'ah. Semoga Allah merahmati kamu dan memberikan Hidayat petunjuk.

Wassalam.

Faqir Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KEDUAPULUH TIGA

Kepada Saudara Anwar Ali

Bismihi Ta'ala Wa Sollu 'Alihi Wa Sallim, Amma Ba'du;

Adapun ketika Muraqabah hendaklah membayangkan limpahan faidhz dari Allah dengan memusatkan fikiran dan membayangkan limpahan tersebut dari arah atas dan terlimpah ke latifah Alam Amar dan Alam Khalaq. Tanda seseorang itu mendapat hasil dari Muraqabah tersebut, akan terbukalah pandangan mata hati dan dapat menyaksikan limpahan faidhz tersebut dengan jelas pada pandangan mata batin sedang terlimpah pada hati. Keadaan ini hendaklah dikekalkan secara berterusan sehingga mencapai nisbat Dawam Hudhzur, yakni sentiasa dalam kesedaran hadir di hadapan Allah, bersama-sama Allah yakni martabat Ihsan. Inilah yang dinamakan Syuhud ataupun Musyahadah. Para Masyaikh menyatakan bahawa tempat Musyahadah adalah pada Qalb dan Nafs. Qalb adalah tempat musyahadah Alam Amar manakala Nafs pula adalah tempat musyahadah Alam Khalaq. Limpahan faidhz yang terhasil menerusi Zikrullah dan Muraqabah perlu sentiasa dalam kesedaran kita ketika kita sedang duduk, berdiri, berjalan mahupun berbaring dan hati menyebut Allah Allah. Muraqabah bererti berjaga-jaga mengawasi limpahan faidhz dalam pandagan batin dan mengekalkan bayangan limpahan tersebut. Tiadalah daya untuk melakukan sesuatu kebaikan mahupun menolak sebrang keburukan melainkan dengan Taufiq Allah.Faqir mendoakan agar penjelasan ini bermanafaat bagi orang yang mahu ingat.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Wamaghfiratuh.

Faqir Haqir Khakpaey Buzurgan La Syaik Miskin,
Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KEDUAPULUH EMPAT

Kepada Saudara Anwar Ali

Salamun 'Alaik.

Berkenaan kaifiyat memulakan amalan zikir Muraqabah, hendaklah beristighfar Taubat sebanyak 25 kali, kemudian membaca Surah Al-Fatihah beserta A'uzubillah dan Bismillah, kemudian membaca surah Qul Huwallah sebanyak 3 kali beserta Bismillah, kemudian hadiahkan pahala bacaan fatihah dan Qul Huwallah tadi kepada sekelian Arwah Muqaddasah Masyaikh Kibar Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah, kemudian hadirkan maut serta Rabitah Syeikh dan Para Masyaikh dan seterusnya berjaga-jaga memerhatikan limpahan Faidhz dari Hadhrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang terlimpah pada Latifah Qalb dan ini dinamakan Nigah Dasyat. Tumpuan mata batin hendaklah sentiasa memerhatikan sumber limpahan faidhz dan tempat jatuhnya faidhz dan ini dinamakan Wuquf Qalbi.

Muraqabah hendaklah dilakukan dengan cara berduduk diam dalam keadaan bersila dan menundukkan kepada sehingga keadaan dagunya merapati dada sambil memejamkan mata dan tidak menggerakkan anggota tubuh badan. Jika berseorangan hendaklah duduk menghadap ke arah Qiblat dan jika berjemaah hendaklah duduk dalam satu bulatan dan rapat-rapat sehingga bertemu lutut. Muraqabah hendaklah diusahakan supaya dapat dilakukan selama 15 minit sebagai latihan.

Ada Para Masyaikh yang tekun bermuraqabah sehingga berjam-jam lamanya kerana menurut Hadhrat 'Urwatil Wutsqo Khwajah Muhammad Ma'sum Naqshbandi Mujaddidi Rahmatullah 'alaih menyatakan bahawa muraqabah lebih berkesan menghasilkan faidhz daripada zikirullah Ismu Zat dan Nafi Itsbat, manakala berzikir tanpa Muraqabah adalah sia-sia dan tidak mendatangkan faedah.

Adapun berkenaan Asmaa Allah Al-A'zam adalah nama-nama Allah Ta'ala yang teragung yang jika nama-nama tersebut diseru atau disebut dalam permohonan doa atau hajat, insya Allah nescaya akan dikabulkan. Menurut Para Masyaikh Akabirin Naqshbandiyah, lafaz "Allah" adalah Ismul A'zam kerana Ia merupakan nama bagi ZatNya yang mutlak Wajibul Wujud yang terhimpun segala sifat kesempurnaan dan suci dari sebarang sifat kekurangan. Nama-nama yang lain adalah bagi menyatakan sifat-sifatNya, maka kerana itulah lafaz Allah ini digunakan sebagai zikir bagi sekelian para penuntut haqq yang menuntut atas perjalanan Tariqat Naqshbandiyah.

Wallahu A'lam Wa 'Ilmuhu Atam. Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KEDUAPULUH LIMA

Kepada Saudara Anwar Ali

Bismillahi Nahmaduhu Wa Nusolli 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du. Ketahuilah, semoga Allah membimbingmu, bahawa sesungguhnya Allah adalah nama bagi Zat Waijibul Wujud yang terhimpun padaNya segala sifat kesempurnaan dan suci dari segala sifat kelemahan dan kekurangan.

Adapun Muqaddimah mengenai Wujud, terdapat tiga pembahagian Wujud:

1. Wajib Al-Wujud: Kewujudan yang wajib ada dan tak mungkin tiada, seperti Zat Hadhrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala.
2. Mumkin Al-Wujud: Kewujudan yang mungkin wujud dan tidak wajib ada kewujudannya, boleh jadi ada dan boleh jadi tiada, seperti manusia, haiwan, tumbuhan, malaikat, iblis, syaitan dan sekelian makhluk.
3. Mumtani' Al-Wujud: Kewujudan yang tidak boleh ada, seperti terdapatnya tuhan yang lain selain Allah Ta'ala.

Maka dari Muqaddimah tersebut dapatlah kita membuatkan beberapa kesimpulan tentang perbezaan antara wujud Tuhan dan wujud makhluk bahawa:

1. Wujud Allah adalah wajib manakala wujud makhluk adalah mungkin.
2. Wujud Allah adalah haqiqi manakala wujud makhluk adalah tidak haqiqi.
3. Wujud Allah sedia ada manakala wujud makhluk besifat baharu.
4. Wujud Allah kekal manakala wujud makhluk tidak kekal bahkan akan binasa.
5. Wujud Allah tidak menyerupai makhluk manakala wujud makhluk ada terdapat keserupaan.
6. Wujud Allah Tunggal manakala wujud makhluk berbilang-bilang.
7. Wujud Allah tidak bertempat manakala wujud makhluk perlu bertempat.
8. Wujud Allah tidak memerlukan sebarang keperluan makanan manakala wujud makhluk memerlukan keperluan makanan.
9. Wujud Allah tidak perlu tidur mahupun rehat manakala wujud makhluk perlu pada tidur istirahat.
10. Wujud Allah adalah sebagai Pemelihara manakala wujud makhluk adalah sebagai yang dipelihara.
11. Wujud Allah adalah sebagai Khaliq Pencipta manakala wujud makhluk sebagai yang dicipta.

Adapun untuk menyatakan perbezaan antara Allah dan makhluk teramatlah banyak, namun bagi insan yang berakal sempurna akan menerima penjelasan hamba yang dhaif ini.

Semoga Allah mengurniakan kita petunjukNya. Dengan kenyataan hamba ini, memang jelas ternyata bahawa perbezaan antara Allah dan makhluk sangatlah besar dan berdosa menyamakan makhluk dengan Allah kerana Allah adalah maha suci dari segala apa yang dapat kita gambarkan dalam fikiran dan ZatNya tidak menyerupai sesuatu dan tiada sesuatupun yang dapat menyerupaiNya. Menurut para Fuqaha, mendakwa Wujud Allah sama dengan wujud makhluk atau mensifatkan Allah dengan sesuatu sifat yang lazim pada makhluk adalah kafir, ***Na'uzu Billahi Min Zalika.***

Menurut Ahli Usul, menyatakan wujud Allah sama dengan wujud makhluk adalah haram dan boleh jadi terkeluar dari Agama Islam serta boleh dihukum murtad. Menurut ahli Tasawwuf, Wahdatul Wujud adalah dari Ahwal dan bukannya dari Maqamat. Ahwal adalah sesuatu yang hadir pada seseorang yang banyak melakukan zikirullah ataupun riyadhah ruhaniah serta mujahadah nafs namun ianya bukanlah sesuatu yang perlu kekal pada seseorang Sufi. Maqamat adalah sesuatu yang perlu diusahakan dan perlu kekal sentiasa dalam diri seseorang Sufi. Wahdatul wujud bererti Kesatuan Dalam Wujud adalah suatu perasaan pengalaman ruhaniah yang hadir pada seseorang yang banyak mengucapkan Zikir Ismu Zat dan Nafi Itsbat.

Apabila seseorang itu mencapai tahap Fana Fillah, dia akan menyaksikan menerusi pandangan mata batinnya bahawa tiada yang wujud secara haqiqi melainkan Allah. Wujud dirinya dan sekelian makhluk adalah wujud yang bukan haqiqi. Ibarat bintang malam yang bertaburan di malam hari menjadi lenyap di siang hari kerana terbitnya sinaran mentari. Apabila penzahiran Al-Haqq muncul, segala penzahiran makhluk akan lenyap.

Sesungguhnya apabila telah datangnya yang Haqq, yang batil pasti akan lenyap. Pengalaman Wahdatul Wujud adalah daripada Ahwal dan bukannya penghujung Ma'rifat. Ianya baru sekadar suku dalam perjalanan menuju Hadhrat Zat. Bagaimana mungkin sesuatu yang mungkin ada dan mungkin boleh jadi tiada ini mengaku dirinya sebagai Allah? Melainkan orang yang telah mabuk dalam zikirullah dan dirinya berada dalam keadaan Fana lebur hatinya gila terhadap Zat Allah.

Hadhrat Imam Rabbani Mujaddid Alf Tsani Syaikh Ahmad Faruqi Sirhindi Rahmatullah 'Alaih menyatakan bahawa maqam Wahdatul Wujud bukanlah maqam kesempurnaan, sebaliknya mengetengahkan kefahaman Wahdatul Syuhud yang bermaksud Kesatuan Dalam Penyaksian dan ini lebih selamat dan sempurna serta sesuai dengan ajaran Islam yang mulia.

Jika kita perhatikan dalam kehidupan Hadhrat Baginda Nabi dan Para Sahabat Ridhwanullah 'Alaihim Ajma'in, mereka yang lebih soleh dan bertaqwa serta lebih gigih mejahadahnya namun tidak pernah sekali-kali mengucapkan perkataan yang seumpama dengan perkataan Wahdatul-Wujud. Para Masyaikh Akabirin Silsilah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah telah menetapkan beberapa syarat kepada para penuntut Haqq yang telah mengalami ataupun yang sedang mengalami Hal Wahdatul-Wujud agar senantiasa memelihara Solat lima waktu dan berpegang teguh dengan amalan Sunnah Nabawiyyah serta beri'tiqad dengan 'Aqidah yang sahih menurut Ahli Sunnah Wal-Jama'ah. Mudah-mudahan penjelasan hamba ini bermanafaat bagi orang-orang yang mahu ingat.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Wamaghfiratuh.

Faqir Haqir 'Abdu Dhaiif La Syaik Miskin,
Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KEDUA PULUH ENAM

Kepada Saudara Anwar Ali

Bismillahi, Hamidan Wa Musolliyan, Amma Ba'du;

Semoga Allah membimbing kita menuju pencapaian kehadiran Hadhrat ZatNya. Berkenaan Solat, pada Syari'atnya adalah suatu amalan ibadah fardhu yang merupakan satu dari rukun Islam yang lima yang dikerjakan dengan niat, amal perbuatan dan bacaan yang tertentu pada waktu-waktu dan tempat yang tertentu menurut petunjuk Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Syariat Islam telah menetapkan bahawa Solat fardhu perlu dikerjakan lima kali sehari semalam iaitu pada waktu Fajar Subuh, Zohor, 'Asar, Maghrib dan 'Isya. Petunjuk Syari'at Islam yang disampaikan oleh Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam memberitahu kita bahawa Solat Fajar Subuh dilakukan sebanyak 2 rakaat yang waktunya bermula dari terbit cahaya fajar sadiq sehinggalah ketika terbitnya matahari dari ufuk timur.

Solat Zohor dilakukan sebanyak 4 rakaat yang waktunya bermula setelah tergelincirnya matahari di atas kepala, sedikit ke arah barat. Solat 'Asar juga dilakukan sebanyak 4 rakaat dan waktunya bermula setelah matahari mula condong ke ufuk barat. Solat Maghrib dilakukan sebanyak 3 rakaat dan dikerjakan ketika sebaik sahaja terbenamnya matahari di ufuk barat. Solat Isya adalah sebanyak 4 rakaat dan waktunya bermula setelah hilangnya warna merah senja di langit dan berakhir sebelum terbitnya Fajar Sadiq.

Pada sudut Tariqat, Solat adalah jalan menuju kepada Ihsan yakni jalan mencapai martabat seolah-olah melihat Allah dalam melakukan amal ibadah terhadapNya. Tariqat membimbing Para Salikin untuk mencapai Ihsan menerusi berbagai latihan keruhanian dan Ihsan ini mustahil dicapai melainkan dengan kembali kepada amalan Sunnah Nabawiyyah, bermula dari Taharah dan Wudhuk sehinggalah kepada Takbir Tahrimah dan Salam.

Salik Tariqat perlu mempelajari amalan-amalan Sunnah sebelum solat, ketika solat dan sesudah Solat dalam usahanya mencapai martabat Ihsan ini agar batinnya sentiasa Syuhud dalam memerhatikan limpahan faidhz Rahmat dari Ilahi. Sunnah-sunnah bacaan dalam solat perlu diperbetulkan sebutan tajwidnya menurut bahasa 'Arab terutama sekali bacaan ayat-ayat suci Al-Quran. Begitu juga dengan sunnah-sunnah perlakuan dalam solat perlu diberikan perhatian seperti bersikap Tawadhu' merendahkan diri serta berasa hina di hadapan Allah Ta'ala, Khusyu', memandang ke tempat sujud dan tertib dalam perpindahan dari suatu rukun ke suatu rukun yang lain. Sunnah-sunnah tersebut adalah zahir, manakala sunnah yang batin adalah sentiasa dalam keadaan Ihsan dari bermula Solat sehingga selesai Solat.

Tariqat mendidik para penuntutnya agar sentiasa Ihsan dalam apa jua keadaan, baik di dalam Solat, mahupun di luar Solat. Solat pada sudut Ma'rifat adalah mengenal setiap erti bacaan dan perlakuan yang dilakukan sewaktu mengerjakan Solat. Mengetahui perkara-perkara yang rukun dan sunnah dalam Solat juga adalah termasuk dalam Ma'rifat solat. Seterusnya mengetahui fadhilat-fadhilat yang terkandung di dalam Solat dan berusaha mencapainya.

Untuk mencapai pemahaman Ma'rifat yang sempurna tentang solat, maka perlulah mempelajarinya dari ajaran-ajaran Hadhrat baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam yang terkandung dalam kitab-kitab Hadits. Pada Ma'rifatnya, Solat yang Khusyu' dengan ingatan yang teguh terhadap ZatNya adalah jalan yang terbaik untuk mencapai Ma'rifat tentang Allah subhanahu Wa Ta'ala.

Pada Haqiqatnya, Solat adalah Doa. Ia mengandungi segala ucapan yang membesarkan, mensucikan serta mengagungkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan juga terkandung permohonan doa yang sangat penting iaitu memohon petunjuk Hidayah ke jalan yang lurus, yakni jalan orang-orang yang telah diberikan nikmat oleh Allah iaitu dari kalangan Para Nabi dan Rasul, Siddiqin, Syuhada dan Salihin.

Bagaimana agar kita sentiasa berada atas jalan petunjuk sepertimana mereka yang telah diberikan nikmat? Solat pada Haqiqatnya adalah suatu amalan yang akan mengikatkan ruhaniah kita dengan Allah Ta'ala dan sekelian Ahli-AhliNya. Solat yang dikerjakan tanpa ada sebarang ikatan Ruhaniah adalah Solat yang rapuh dan senang dilalaikan meskipun ketika sedang bersolat.

Haqiqat Solat adalah Mi'raj bagi orang-orang yang beriman yang khusyuk hatinya dalam menyembah dan mengingati zat Allah Ta'ala sehingga terzahirnya kehambaan dan terlenyapnya keakuan. Haqiqat Solat ini perlu dibawa ke mana-mana meskipun setelah selesai Solat bagi mencapai Solat Daim.

Demikianlah serba sedikit huraian hamba dalam memperjelaskan pengertian Solat menurut Syari'at, Tariqat, Ma'rifat dan Haqiqat. Segala yang benar adalah dari Haqq Allah dan segala yang salah dan kurang adalah dari kelemahan hamba yang dhaif, faqir dan hina.Semoga penjelasan hamba ini bermanafaat bagi orang-orang yang memerlukan.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

Faqir Jalaluddin Ahmad

SURAT KEDUA PULUH TUJUH

Kepada Saudara Sofiuddin Al-Aydrusi,

Bismillahi Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Amma Ba'du.

Semoga Allah memberi Rahmat dan petunjuk kepada hamba-hambaNya yang mencari jalan pendekatan terhadap ZatNya Yang Maha Jati lagi Maha Mengetahui segala isi hati. Hasrat yang saudara nyatakan telah sampai pada pengetahuan hamba yang faqir ini dan telah memahami maksudnya. Berkenaan perjalanan Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini, hamba telah diberikan ijazah oleh Tuan Guru hamba Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana Khan Muhammad Sahib di Khanqah Sirajiah, Kundiyan, Mianwali untuk memberi Bai'ah kepada mereka yang datang menuntut Bai'ah perjalanan Tariqat Silsilah Naqshbandiyah Mujaddidiyah khususnya bagi rantau Nusantara.

Murid yang telah mengambil Bai'ah dari hamba ini tidaklah ramai, cuma kaum keluarga dan sahabat yang terdekat, namun ada juga dari mereka yang tinggal jauh dan ada juga yang tidak pernah bertemu, cuma berhubung menerusi surat, email, chat, msg ataupun telefon.

Hamba sarankan jika saudara benar-benar berminat untuk belajar berkenaan Tariqat Naqshbandiyah ini dan beramal dengannya, lakukanlah Solat Hajat dan Istikharah memohon petunjuk dan bimbingan dari Allah. Jika hati saudara tenang dengan keputusan yang dibuat, maka wajarlah saudara hadir untuk datang mengambil Bai'ah. Hamba tinggal di Selayang, Batu Caves, Selangor.

Barangsiapa yang bergerak sejengkal menuju kepada limpahan Rahmat Allah, nescaya Allah akan mendatanginya sehasta. Barangsiapa yang bergerak sehasta menuju kepadaNya, nescaya Dia akan mendatanginya sedepa. Barangsiapa yang berjalan menuju kepadaNya dengan berjalan, nescaya Dia akan mendatanginya dengan berlari. Barangsiapa yang berlari menuju kepada Allah dengan berlari, sesungguhnya Rahmat Allah mendahului segala kemurkaanNya dan Dia bertindak menurut sangkaan hamba-hambaNya terhadap DiriNya. Semoga Allah mengurniakanmu dengan limpahan Rahmat dan Kasih sayangNya untuk menuju kepada kehadiran Hadhrat ZatNya tanpa sebarang sukar dan payah.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi
Naqshbandi Mujaddidi

SURAT KEDUA PULUH LAPAN

Kepada Saudara Sofiuddin Al-Aydrusi

Bismihi Ta'ala.

Sekarang faqir ini menetap di: Sri Astana Apartment, Taman Selayang, Batu Caves. Menurut mafhum Hadits, segala niat yang baik telah dicatatkan satu pahalanya, jika dilaksanakan akan terhasil sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda pahalanya dan sesungguhnya Allah Maha Melipatgandakan pahala kepada sesiapa sahaja yang Dia kehendaki.

Barangsiapa yang bergerak sejengkal mencari jalan menuju kepada Allah, Allah akan mendatanginya sehasta, dan jika dia bergerak sehasta, Allah akan mendatanginya sedepa, jika dia berjalan menuju kehadhrat Allah, maka Allah akan mendatanginya sambil berlari. Dunia dan segala isinya menerima kutukan laknat Allah kecuali para 'Alim 'Ulama, para penuntut ilmu yang Haq dan segala sesuatu yang dapat menyampaikan kepada ingatan terhadap Allah.

Faqir ini mendoakan semoga Allah merahmatimu dan memberikan kejayaan dalam segala urusanmu khususnya peperiksaan yang akan dihadapi dan mudah-mudahan Dia menjadikan kamu sebagai asbab hidayah untuk sekelian Ummat Muhammadiyah.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullah.

Faqir Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KEDUA PULUH SEMBILAN

Kepada Saudara Muhammad Haiza Adli

Salamun 'alaik,

Surat tuan, hamba terima dan faham isi kandungannya. Kaifiyat adalah prosedur yang teratur untuk berzikir supaya zikir yang kita kerjakan benar-benar dapat memberikan kesan kepada hati. Sebelum memulakan zikir Tariqat, kita perlu beristighfar dan bertaubat. Ada tariqat yang menetapkan jumlah bilangan tertentu menurut jalan mereka. Para Masyaikh Naqshband ada yang menetapkan jumlah yang ganjil iaitu sebanyak 3 kali, 5 kali, 15 kali, 21 kali, 25 kali dan ada juga yang menetapkan sebanyak 70 kali Istighfar sebelum memulakan zikir. Hamba menurut apa yang di perolehi dari guru hamba, Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana Khan Muhammad Sahib iaitu kaifiyat dengan melakukan istighfar taubat sebanyak 25 kali. Ianya adalah lebih sederhana. Kemudian hendaklah kita menghadiahkan pahala bacaan sekali surah Al-Fatihah dan tiga kali Surah Al-Ikhlas kepada sekelian Arwah Muqaddasah Masyaikh Akabirin Silslah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah, iaitu sekelian Para Masyaikh yang termaktub dalam Syajarah Tayyibah. Mereka kesemuanya adalah guru-guru kita yang akan membimbing kita dalam perjalanan Ruhani untuk menuju Allah. Hamba sendiri tidak akan dapat mencapaiNya jika tanpa petunjuk dan bimbingan Para Guru.

Membayangkan kematian adalah pintu untuk memasuki alam ghaib. Membayangkan bahawa diri kita sudah mati adalah permulaan menuju Fana. Matikan diri kita bermaksud supaya kita dapat menafikan kewujudan diri dan menetapkan hanya kewujudan Allah. Membayangkan diri kita sudah mati, jasad kita dimandikan orang, dikafankan orang, disembahyangkan orang dan bayangkan juga tubuh badan kita sedang diletakkan ke dalam liang lahad. Kesemua ini hanya perlu dibayangkan dalam fikiran kita tanpa perlu kita membunuh diri. Diri tidak dibunuh, cuma dimatikan.

Setelah kita dapat menghayati kematian diri kita, maka pada waktu itu kepada siapa lagi yang kita hendak bergantung harap dan meminta pertolongan? Tentulah hanya Allah yang menjadi tempat pergantungan sekelian makhluk. Maka sebutlah lafaz Allah Allah di dalam hati dengan sekuat-kuat dan selaju-lajunya dan dengan sebanyak-banyaknya hingga tiada lain yang akan kita ingatkan melainkan Zat Allah.

Zikir Ismu Zat bererti mengingat nama bagi Zat yang Wajibul-Wujud, yang terhimpun padaNya segala sifat kesempurnaan dan suci dari sebarang kekurangan dan kelemahan iaitu lafaz Allah. Lafaz Allah adalah nama bagi zat tersebut. Kita mengingati Tuhan kita dengan nama ZatNya. Sepertimana kita mengingati seorang kekasih dengan nama dirinya.

Untuk merasai penyucian maqam, zikir hendaklah dilakukan dengan keadaan berjaga-jaga yakni tidak boleh lalai. lalai bukanlah zikir, kerana zikir bererti ingat. Bagaimana ingat dan lalai boleh berada pada satu tempat? Maka untuk mengelakkan lalai ketika berzikir, hayati pengertian lafaz Allah iaitu: "Aku sedang mengingati Allah, zat yang wajib wujudnya dan Maha Sempurna lagi Maha suci dari segala kekurangan dan kelemahan.

Makna lafaz Allah ini perlu sentiasa dihayati dalam pemikirian. Seterusnya kita perlu membayangkan limpahan kurniaNya iaitu Nur Rahmat dan keberkatanNya. Limpahan ini disebut sebagai Faidhz atau Faidhan. Membayangkan limpahan ini adalah penting bagi menghubungkan ruhani kita dengan Allah Ta'ala. Dengan membayangkan faidhz ini juga kita dapat menghubungkan diri kita dengan Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sekelian Para Masyaikh.

Bayangkan limpahan faidhz dari Allah terlimpah ke hati kita iaitu pada maqam Latifah Qalb, pada kedudukan dua jari di bawah tetek kiri dan cenderung sedikit ke arah ketiak. Tongkatkan lidah ke langit-langit ketika berzikir Allah Allah. Tumpukan sebutan dengan lidah hati sehingga telinga hati kita benar-benar jelas dapat mendengarnya. Tumpukan pandangan batin pada kedudukan Qalb dan bayangkan Qalb sedang menumpukan pandangannya kepada Allah. Ini disebut sebagai Wuquf Qalbi, yakni hati yang sedang sibuk memberikan penumpuannya terhadap Allah. Limpahan faidhz ibarat limpahan air yang akan memenuhi sebuah bekas. Semakin banyak limpahan yang dapat kita bayangkan, semakin banyaklah limpahan yang akan kita perolehi dariNya kerana Allah bertindak menurut sangkaan hambaNya terhadapNya. Sekiranya sewaktu kita sedang berzikir, fikiran kita mulai cenderung kepada ingatan yang selain dari Allah, maka hendaklah kita mengucapkan Baz Gasht iaitu lafaz:

"Ilahi Anta Maqsudi Wa Ridhaka Matlubi, A'tini Mahabbataka Wa Ma'rifataka", beberapa kali dan terus sambung kembali berzikir Allah Allah di dalam hati. Wuquf Qalbi dan Baz Gasht adalah merupakan syarat berzikir dalam Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini. Membayangkan kematian hanyalah ketika memulakan kaifiyat zikir. Apabila sudah memulakan zikir, ketika itu kita sedang menuju Fana dan pastikan kita berzikir sampai Fana kerana tanpa merasai Fana, seseorang tidak akan dapat merasai Baqa. Sedangkan maksud sebenar adalah Baqa, bukannya Fana. Untuk kekalkan fokus di dalam hati, maka lakukan Wuquf Qalbi dengan sempurna.

Akhir kata dari hamba, berkhidmatlah kepada makhluk dan jangan menganiaya mereka. Balaslah kesalahan mereka dengan kebaikan dan member adalah lebih baik dari menerima.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah. Wassalam.

Faqir Jalalludin Ahmad

SURAT KETIGA PULUH

Kepada Saudara Muhammad Haiza Adli

Salamun 'alaik. Semoga Allah merahmati. Untuk mendapatkan fokus ketika berzikir, murid perlu berlatih di tempat yang sunyi dari kesibukan manusia dan duniawi. Kerana itulah Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pergi ke Gua Hira di Jabal Nur untuk berkhalwat dengan Allah Ta'ala. Untuk kita hari ini sebagai ummat, kita boleh pergi ke masjid untuk berzikir kerana masjid adalah Rumah Allah dan semulia-mulia tempat di atas muka bumi. Setelah selesai mengerjakan amalan zikir dengan jumlah yang ditetapkan, hendaklah kita terus menyebut Allah Allah dalam hati ketika kita bangun, berjalan, berbaring mahupun duduk. Dalam setiap masa hendaklah kita menyedari bahawa nafas kita yang keluar masuk perlu disertai dengan ingatan terhadap Allah Al-Haqq. Menurut mafhum Hadits Qudsi, apabila seseorang hamba mengingati Allah dalam dirinya, Allah juga akan mengingati hamba tersebut di dalam diriNya, dan jika dia mengingatkan khalayak manusia tentang Allah, maka Dia juga akan mengingati hamba tersebut dalam jemaah khalayak yang lebih mulia dan baik iaitu dari kalangan Para MalaikatNya. Muka bumi tempat di mana seseorang hamba mengingati Allah adalah berbangga-bangga ke atas muka bumi yang lain. Walaubagaimana pun, menurut prinsip asas Naqshbandiyah, seseorang murid perlu melakukan Khalwat Dar Anjuman yakni berkhalwat dengan Allah Ta'ala ketika sedang berada dalam kesibukan khalayak manusia.

"Zahir Ba Khalaq Wa Batin Ba Haqq",

Pada zahirnya jasmani fizikal bersama dengan makhluk dan pada batinnya ruhani spiritualnya sedang bersama-sama, berdua-duaan dan berkhalwat dengan Allah Al-Khaliq. Mustahil kita dapat menyatukan diri kita dengan zatNya yang Maha Esa. Ketika berdua-duaan dengan Allah inilah, dia akan mentajallikan manefestasi keagungan dan kebesaranNya sehingga kita benar-benar akan mencapai yaqin bahawa tiada Tuhan selain Dia dan Dia adalah yang selayaknya disembah. Dengan penyaksian inilah kita mengucapkan Syahadah. Ucapan Syahadah yang diseratai dengan pandangan Musyahadah di dalam batin bahawa tiada yang lebih berkuasa dan menguasai segala sesuatu melainkan Allah. Merasakan satu dalam kewujudan dan menganggap satu dalam penyaksian adalah dua perkara yang berbeza, sedangkan perkara yang pertama adalah hal manakala yang kedua adalah Maqam. Hal bukanlah sesuatu yang perlu diusahakan kerana ianya merupakan limpahan dan kurniaan kefahaman dari Allah sedangkan Maqam pula adalah perkara yang perlu dituntut dan diusahakan oleh setiap murid Salik yang dalam perjalanannya menuju Allah.

Wallahu A'lam, Wabillahi Taufiq, Wassalam.

Faqir Jalalludin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KETIGA PULUH SATU

Kepada Saudara Armiza, Kelantan

Wa'alaikum As-Salam Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh. Nahmaduhu Wa Nusooli 'Ala Rasulihil Karim; Amma Ba'du.

Dari hamba yang dhaif lagi faqir, Jalaluddin Ahmad 'Ufiya 'Anhu Wa'an Walidaihi Wa'an Jami'il Muslimin, kepada saudara Armiza di Kota Baharu, Kelantan, semoga Allah melimpahkan limpahan faidhzNya yang berterusan ke atasmu.

Berkenaan pertanyaan saudara untuk beramal dengan Wirid Naqshbandi, ianya diperbolehkan dan amat dianjurkan kepada sekelian pengikut Silsilah Tariqat Naqshbandiyah kerana ianya merupakan doa-doa dan zikir yang telah disusun oleh Hadhrat Shah Bahauddin Naqshband. Faqir ini telah diberikan ijazah untuk memberi Talqin Zikir Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah dari guru hamba, Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana Khan Muhammad Sahib untuk sesiapa yang datang kepada hamba meminta berbai'ah. Hamba juga memimpin suluk kerohanian untuk murid-murid hamba menurut suluk kerohanian Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah. Sekian hamba maklumkan.

Wassalam.

Faqir;
Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi
Naqshbandi Mujaddidi Uwaisi

SURAT KETIGA PULUH DUA

Kepada Saudara Hanif

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Nahmaduhu Wa Nusolli 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du;

Dari hamba yang haqir faqir dhaif, Jalaluddin Ahmad 'Ufiyallahu 'Anhu Wali Walidaihi kepada saudaraku yang Hanif, semoga Allah merahmatimu dan membimbingmu untuk menuju KehadhratNya dengan hati yang Hanif. Berkenaan pertanyaan saudara sama ada bolehkah belajar dengan hamba menerusi e-mail, maka hamba menjawab, boleh asalkan dengan adab yang ikhlas secara zahir mahupun batin, kerana perjalanan Tariqat Para Masyaikh Naqshbandiyah amat mengutamakan adab.

Ba Adab Ba Nasib,
Bey Adab Bey Nasib.

Sebagai langkah yang awal untukmu, carilah masa yang sesuai untuk melakukan Bai'ah secara bersendirian, sama ada di waktu siang atau malam, pada tempat yang sesuai iaitu sunyi dari kesibukan manusia, sama ada di dalam masjid atau di dalam bilik. Lakukanlah Solat 2 rakaat dengan niat Taubat dan Hajat. Sesudah salam, Bacalah Surah Al-Fatihah sekali beserta A'uzubillah dan Bismillah, kemudian bacalah Surah Al-Ikhlas beserta Bismillah sebanyak 3 kali dan hadiahkah pahala pembacaan tersebut kepada Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sekelian Arwah Para Masyaikh Naqshbandiyah Mujaddidiyah Uwaisiyah, khasnya kepada Syeikh hamba Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana Khan Muhammad Sahib dan juga kepada hamba yang faqir dan dhaif ini.

Setelah itu, hendaklah memberikan tumpuan kepada ruhani hamba dengan membayangkan di dalam khayalan fikiran bahawa faqir ini sedang duduk berhadapan denganmu, kemudian hendaklah membayangkan bahawa limpahan faidhz dari Allah iaitu sesuatu yang bersifat Nur yakni cahaya yang datangnya dari arah atas 'Arash terlimpah pada Latifah Qalb hamba lalu terlimpah ke Latifah Qalbmu.

Kekalkan bayangan ini dalam gambaran fikiran selama beberapa minit sehingga dapat merasakan cahaya faidhz tersebut benar-benar terlimpah pada hatimu. Kedudukan Latifah Qalb adalah pada anggaran dua jari di bawah puting tetek kiri dan sedikit condong ke arah ketiak kiri.Setelah kaifiyat di atas terhasil, maka bolehlah melakukan Bai'ah. Adab dan Kaifiyatnya adalah seperti berikut:

Duduk dalam kedudukan antara dua sujud sambil menghadapkan diri ke arah Qiblat, lalu membayangkan faqir ini duduk di hadapanmu dan pegang kedua-dua tanganmu sambil membayangkan bahawa kamu sedang memegang tangan faqir ini, lalu ucapkanlah Ta'awuz dan Bismillah:

A'uzubillahi Minash Syaitanir Rajim, Bismillahir Rahmanir Rahim.

Kemudian, ucapkan Istighfar sebanyak 3 kali dengan lafaz berikut:

Astaghfirullaha Rabbi Min Kulli Zanbin Wa Atubu Ilaih.

Kemudian, ucapkan Kalimah Syahadah seperti berikut:

Asyhadu An La Ilaha Illa Allah Wahdahu La Syarikalahu,
Wa Asyhadu Anna Muhammadan 'Abduhu Wa Rasuluhu

Kemudian ucapkan Kalimah Iman Mufassal seperti berikut:

Amantu Billahi, Wa Malaikatihi, Wa Kutubihi, Wa Rusulihi, Wal Yaumil Akhir, Wal Qadri Khayrihi Wa Syarrihi Minallahi Ta'ala, Wal Ba'tsi Ba'dal Maut.

Setelah itu, angkatlah kedua-dua tangan dan berdoa kehadhrat Allah dengan membaca Surah Al-Fatihah agar Dia membimbingmu atas perjalanan Tariqat Naqshbandiyah ini dengan keberkatan sekelian Rauhaniah Para Masyaikh Akabirin Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyyah Mujaddidiyyah. Sebagai pelajaran yang awal, Para Masyaikh mengarahkan sekelian para Murid agar melakukan zikir Ismu Zat iaitu sebutan lafaz Allah Allah pada Latifah Qalb sebanyak 24,000 kali sehari semalam.

Saudara boleh merujuk kepada risalah ringkas hamba yang berjudul Kaifiyat Zikir Ismu Zat dan Nafi Itsbat. Hendaklah berzikir dengan cepat-cepat dan selaju yang boleh tanpa didengari oleh telinga. Zikir hanya perlu dilakukan di dalam hati dengan sekuat-kuat suara hati dan selaju yang boleh. Ketika berzikir menggunakan rantai tasbih, tumpukan pandangan batin pada kedudukan Latifah Qalb sambil membayangkan limpahan faidzh dari Guru Murshid terlimpah pada Latifah Qalb diri.

Teruskan berzikir sambil berjalan, duduk, berbaring mahupun berdiri. Hanya itulah yang perlu dilakukan, iaitu menyebut Allah Allah di dalam hati pada setiap masa dan keadaan sehingga datang beberapa ahwal yang berkaitan mimpi mahupun perasaan ruhani yang sangat perlu dilaporkan kepada Guru menerusi surat. Dalam beberapa keadaan tertentu, ianya mungkin merupakan isyarat untuk berubah kedudukan Latifah.

Untuk menghasilkan peningkatan ruhaniah dengan lebih cepat dan berkesan, maka hendaklah beramal dengan membaca Syajarah Tayyibah iaitu doa bertawassul dengan nama-nama sekelian Para Masyaikh dalam Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah. Setelah melakukan Bai'ah, saudara kirimkanlah data peribadi saudara dan doakanlah kepada hamba yang dhaif dan hina ini. ***Wassalamu 'Alaik.***

Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KETIGA PULUH TIGA

Kepada Saudara Zulkifli Amir Muhammad Dahlan

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.
Bismihi Ta'ala Wa Nahmaduhu Wa Nusolli 'Ala Rasulihil Karim, Amma Ba'du.

Dari hamba yang dhaif faqir haqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiyallahu 'anhu Wali Walidaihi. Berkenaan Para Nabi Ulul 'Azmi, tentang perkara ini terdapat khilaf yakni perbezaan pendapat di kalangan Para 'Alim 'Ulama. Perkataan Ulul 'Azmi bererti orang-orang yang memiliki keazaman yang kuat dalam menyampaikan Risalah Agama dari Allah. Ada di kalangan 'Ulama yang berpendapat bahawa kesemua Para Rasul adalah Ulul 'Azmi seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Ahqaf ayat 35:

Maka bersabarlah kamu seperti orang-orang yang mempunyai keteguhan hati dari rasul-rasul telah bersabar dan janganlah kamu meminta disegerakan (azab) bagi mereka. Pada hari mereka melihat azab yang diancamkan kepada mereka (merasa) seolah-olah tidak tinggal (di dunia) melainkan sesaat pada siang hari. (Inilah) suatu pelajaran yang cukup, maka tidak dibinasakan melainkan kaum yang fasik.

Ada sebahagian 'Ulama berpendapat bahawa terdapat enam orang Rasul yang mencapai darjat Ulul 'Azmi iaitu Hadharat Nabi Adam 'Alaihissalam, Nabi Nuh 'Alaihissalam, Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, Nabi Musa 'Alaihissalam, Nabi 'Isa 'Alaihissalam dan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Antara yang berpendapat sedemikian adalah Hadhrat Syeikh Khalid Al-Baghdadi Rahmatullah 'Alaih pendiri Tariqat Naqshbandiyyah Khalidiyyah dan ada dinyatakannya di dalam kitab yang telah dituliskan berkenaan 'Aqidah berjudul I'tiqad Namah dalam bahasa Farsi. Pendapat ini juga dipegang oleh sebahagian besar 'Ulama dari Mazhab Hanafiyyah dan Maturidiyyah.

Ada sebahagian 'Ulama pula berpendapat bahawa hanya lima orang Rasul sahaja yang mencapai darjat Ulul 'Azmi iaitu Hadharat Nabi Nuh 'Alaihissalam, Nabi Ibrahim 'Alaihissalam, Nabi Musa 'Alaihissalam, Nabi 'Isa 'Alaihissalam dan Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Antara yang berpendapat sedemikian adalah Para 'Ulama dari kalangan mazhab Syafi'iyyah dan Asha'ariyyah dan memang pendapat inilah yang masyhur seperti yang termaktub di dalam kebanyakan kitab-kitab Tauhid dan 'Aqidah. Mereka berpegang berdasarkan firman Allah dalam Surah Al-Ahzab ayat 7 seperti berikut:

Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil perjanjian dari nabi-nabi dan dari kamu (sendiri) dari Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa putra Maryam, dan Kami telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh.

Adapun hamba yang faqir lagi dhaif ini berpegang dengan pendapat Mazhab yang pertengahan iaitu seperti yang telah dinyatakan oleh Hadhrat Syeikh Khalid Al-Baghdadi Rahmatullah 'Alaih bahawa Hadhrat Nabi Adam 'Alaihissalam juga termasuk di dalam kalangan Para Nabi Ulul 'Azmi. Untuk berhujjah tentang perkara ini akan mengambil ruang masa dan tempat, kerana hamba perlu mengumpulkan dalil-dalil kemuliaan Hadhrat Baginda Nabi Adam 'alaihissalam dari Kitabullah dan Hadits Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Walaubagaimanapun, pengetahuan tentang perkara ini akan jelas terhasil bagi mereka yang meneroka daerah Muraqabah Kamalat Nubuwwat, Muraqabah Kamalat Risalat dan Muraqabah Kamalat Ulul 'Azmi menerusi perjalanan silsilah Tariqat 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah.

Bagi Para Masyaikh Naqshbandiyah, mereka memperolehi ilmu menerusi Musyahadah dan tidak dapat dinafikan bahawa menerusi Musyahadah mereka Para Nabi yang memiliki takluk dengan Latifah-latifah Alam Amar adalah sekelian Para Ulul 'Azmi yang lima termasuk Hadhrat Nabi Adam 'Alaihissalam, bahawa Baginda menakluki Alam Malakut menerusi Latifah Qalb atau dikenali sebagai Latifah Adami.

Di dalam Surah Taha ayat 115 hingga 122 ada dinyatakan perihal Hadhrat Nabi Adam 'Alaihissalam yang pada awalnya tidak memiliki keazaman yang kuat, namun setelah

menerima Tarbiyah dari Allah, Baginda telah menjadi seorang pilihan Allah. Dalam Surah Taha ayat 115 Allah berfirman, maksudnya:

Dan sesungguhnya telah Kami perintahkan kepada Adam dahulu, maka ia lupa akan perintah itu, dan tidak Kami dapati padanya kemauan yang kuat.

Dalam ayat 122 Taha, Allah berfirman:

Kemudian Tuhannya memilihnya maka Dia menerima taubatnya dan memberinya petunjuk.

Perkara ini merupakan perkara Khilafiyah dan khilaf seumpama ini tidak membawa kepada kekufuran dan kerosakan 'Aqidah bahkan meneguhkan keimanan dan memperkuatkan 'Aqidah. Segala yang benar adalah dari Allah dan yang salah adalah dari kerosakan nafsu diri hamba, tiada daya dan upaya untuk taat dan meninggalkan maksiyat melainkan dengan Taufiq Allah dan sesungguhnya Allah adalah lebih mengetahui apa yang kita tidak ketahui.

Wassalam.

Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi
Naqshbandi Mujaddidi Uwaisi

SURAT KETIGA PULUH EMPAT

Kepada Saudara Zulkifli Amir Muhammad Dahlan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Alhamdulillah Wassolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah.

Dari hamba yang faqir Jalaluddin Ahmad kepada saudara Zulkifli Amir Muhammad Dahalan, semoga Allah merahmatimu. Terima kasih kerana sudi membaca tulisan hamba berkenaan Tariqah 'Aliyah Naqshbandiyah, semoga Allah menerima usaha hamba yang sedikit untuk urusan yang besar. Sekarang hamba menetap di Taman Selayang, Batu Caves, Selangor. Hamba yang faqir ini mengalu-alukan hasrat saudara untuk bertemu dan bersuhbah. Insya Allah segala niat yang baik pasti akan dikabulkan Allah Jika ada masa kelapangan saudara, boleh hubungi hamba di nombor berikut: 012-6594811. Semoga Allah menempatkan orang-orang yang bertemu dan berpisah kerana Allah di bawah naungan 'ArashNya di kehidupan Akhirat kelak. ***Wassalam.***

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KETIGA PULUH LIMA

Kepada Saudara Faizal Harun

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saudara boleh mendapatkan e-buku berkenaan Tariqat Naqshbandiyah karangan saya dalam Bahasa Melayu dan buku-buku saya yang lain dari scribd.com. Saya izinkan saudara untuk memuat-turun file pdf. dan jika suka boleh print. Buku-buku saya di scribd.com tidak diterbitkan dalam hard copy kerana kebanyakan publisher hanya memikirkan keuntungan bagi pihak mereka semata-mata.

SURAT KETIGA PULUH ENAM

Kepada Saudara Haji Hisham, Johor

Wa'alaikum As-Salam Wa Rahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, semoga Allah memberikan petunjuk dan hidayah kepada mereka yang mencari jalan pendekatan terhadap ZatNya.

Hamba yang faqir ini memahami hasrat tuan dan mendoakan agar Allah memberikan keberkatan dalam niat baik yang dinyatakan. Hamba yang faqir ini bukanlah manusia yang paling berilmu, namun demi memanafaatkan ilmu yang Haqq berkenaan Zat Yang Haq adalah mustahil untuk hamba mengenepikan urusan ini, kerana hamba yang faqir ini mengharapkan belas Ihsan dan kurniaan dari Allah Ta'ala dalam membimbing hamba-hambaNya yang mencari jalan muktabar dalam menempuh perjalanan menuju kepadaMa'rifat Haqiqat ZatNya.

Segala kekurniaan yang dinikmati bukanlah datang dari kesan amalan ibadah semata-mata, bahkan dengan berpegang teguh dengan amalan Sunnah Nabawiyyah dan mengikatkan diri Ruhani dengan Ruhaniah Para Masyaikh Akabirin Naqshbandiyah Mujaddidiyah. Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini meletakkan Syuhud pada suatu maqam yang suci di mana para murid digesa agar melakukan Zikrullah Khafiyah sebanyak-banyaknya pada Lataif agar menerusi cahaya ingatan tersebut dapat menerangkan penglihatan mata hati dan mata akal untuk kita sentiasa memandang dan mengawasi limpahan kurniaan Faidhz dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala pada setiap masa dan keadaan.

Untuk memperolehi nikmat yang sempurna menerusi Nisbat Silsilah 'Aliyah Naqshbandiyah Mujaddidiyah ini, perlulah melakukan ikatan Bai'ah antara Murshid dan Murid yang merupakan suatu Sunnah Hadhrat Baginda Nabi Muhammad

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Para Sahabat Radhiyallahu 'anhum ajma'in dan merupakan amalan sekelian Para Masyaikh dalam sekelian jalan Tariqat. Adalah lebih elok jika tuan dapat melakukan Solat Hajat dan Istikharah dua Raka'at untuk memohon petunjuk dan keberkatan menerusi Jalan Tariqat yang mulia ini, Naqshbandiyah Mujaddidiyah dan ikhlaskan niat untuk mencari keredhaan Allah. Setelah mendapat ketetapan hati dan tiada lagi rasa ragu-ragu atau was-was, maka ianya merupakan petanda bahawa tuan sudah benar-benar bersedia untuk mengambil Bai'ah. Hamba yang faqir ini mendoakan agar tuan sentiasa dilimpahi dengan Rahmat dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

Hadhrat Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KETIGA PULUH TUJUH

Kepada Saudara Hakimi Arifin

Waa'alaikumussalam Warahmatullah,

Berkenaan Tariqat Al-Irdiah yang dimaksudkan, kami dapati ianya bukan dalam silsilah Tariqat muktabar kerana tiada sebarang Sahabat mahupun Tabi'in di dalam silsilah tersebut, dalam ertikata lain dengan keadaan silsilah yang sedemikan sudah tentunya menimbulkan keraguan banyak pihak. Namun, perkara ini terserah kepada saudara sendiri kerana jika saudara merasakan dapat memperolehi manafaat ruhani dan batin menerusi perdampingan dengan guru-guru saudara, maka mungkin habuan saudara telah ditetapkan menerusi mereka. Walaubagaimanapun, jika saudara merasa terdapat sesuatu kemusykilan atau perasaan yang tidak menyenangkan jiwa atau merasakan tiada sebarang manafaat zahir mahupun batin, maka ada baiknya saudara beristikharah dan memohon hajat dari Allah agar diberikan petunjuk untuk mendapatkan seorang Murshid yang dapat membimbing perjalanan Syariat dan Tariqat saudara secara zahir dan batin demi mencapai kesempurnaan Ma'rifat dan Haqiqat.

Adapun berkenaan silsilah Tariqat Naqshbandiyah yang saudara nyatakan, tiadalah hamba dapat nafikan bahawa silsilah tersebut adalah silsilah Naqshbandiyah Khalidiyah. Walaubagaimanapun, hamba masih belum jelas dengan dasar-dasar ajaran Tariqat Al-Irdiah dan apakah maksud dalam perjalanan Tariqat tersebut?
Sekian, Wasalam.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi 'Ufiya 'Anhu

SURAT KETIGA PULUH LAPAN

Kepada Saudara Hakimi Arifin

Wa'alaikum As-Salam Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh.

Semoga Allah memberikan petunjuk dan hidayahnya kepada mereka yang ikhlas mencari keredhaanNya. Ketahuilah, bahawa Tariqat adalah jalan untuk mencapai kesempurnaan Syariat dan Sunnah Nabawiyyah. Guru yang benar memimpin para murid untuk menuju Allah menurut Sunnah. Sebaik-baik guru adalah yang zahirnya menurut Syariat dan batinnya sentiasa bersama Yang Haqq.

Jika seseorang guru Tariqat tidak berpegang teguh dengan pengamalan Syariat, maka bagaimana murid-muridnya dapat memahami hakikat Syariat dan hakikat Yang Haqq. Sekiranya seseorang murid mula meragui tentang gurunya, maka terputuslah limpahan dari gurunya dan sekiranya amalan yang diberikan oleh gurunya tidak dapat dilaksanakannya, maka hendaklah berdoa memohon kepada Allah agar ditunjukkan kepada kita siapakah yang sebaik-baiknya untuk dijadikan sebagai guru murshid bagi diri kita.

Walaubagaimanapun, jika menurut adab, seseorang itu tidak sepatutnya melihat keaiban gurunya, akan tetapi dalam masalah saudara, Allah telah menunjukkan keaiban yang tertera pada guru dan jika dinilai menurut Syariat Islam berpandukan Sunnah Nabawiyah, pekerjaan meninggalkan Solat Jumaat dengan sengaja dan meninggalkan berpuasa pada bulan Ramadhan dengan sengaja adalah dosa yang besar.

Janganlah terlalu ghairah untuk menurut jalan Tariqat Tasawwuf tanpa meneliti segenap perkara dengan sehalus-halusnya. Di dalam Muqaddimah Ar-Risalah Al-'Aliyah hamba ada menjelaskan tentang kriteria penting dalam memilih jalan Tariqat Tasawwuf ,yang mana antara perkara yang paling utama adalah Aqidah Iman menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan amalan Ibadah menurut Sunnah Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Sebaiknya, menurut pandangan hamba, eloklah saudara melakukan solat hajat istikharah dan berdoa memohon kepada Allah untuk mencari atau ditunjukkan kepada seorang guru murshid yang benar-benar dapat membimbing perjalanan Ruhani saudara berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah. Jika ada jalan Tariqat yang mengenepikan kedua-dua asas tersebut atau mengambil ringan terhadapnya, maka ternyata terdapat kelemahan dalam perjalanan tersebut. Bagi para pengikut Tariqat Naqshbandiyah, aqidah yang sahih dan beramal menurut Sunnah Hadhrat Baginda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam merupakan perkara yang paling utama di samping Zikrullah.

Demikianlah penjelasan hamba yang serba ringkas ini, harapan hamba mudah-mudahan saudara dapat membuat pertimbangan dengan lebih baik dan doa hamba, agar saudara ditemukan dengan seorang pembimbing Ruhani yang dapat membimbing saudara untuk mencapai ma'rifat Allah dengan sebenar-benarnya.

Wassalamu'alaikum Warahmatullah.

Faqir Haqir
Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KETIGA PULUH SEMBILAN

Kepada Saudara Hakimi Arifin

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh

Semoga Allah melimpahkan Rahmat Kasih SayangNya kepada mereka yang mengasihi saudara-saudara mereka yang beriman serta mendoakan mereka. Mudah-mudahan Allah mengharumkan Ruh mereka sekeliannya. Terima kasih kerana menzahirkan keinginan untuk mengenali diri hamba yang dhaif. Yang mempertemukan dan yang memisahkan segala sesuatu adalah Allah. Andaikata saudara berhasrat untuk bertemu dengan hamba yang miskin faqir ini, berdoalah minta agar dipertemukan. Tiada yang menemukan segala sesuatu melainkan Dia. Hamba menetap di Selayang, Selangor.

Adapun berkenaan pertanyaan saudara, ianya tiada dalam pengetahuan hamba yang amat kurang ilmu pengetahuan ini. Perjalanan hamba hanyalah Naqshbandiyah dan tiada tertumpu pandangan hati hamba untuk meneroka perjalanan Tariqat lain melainkan pengetahuan yang telah diberikan kepada hamba. Berkenaan Syeikh Bahoqman juga tiada pernah hamba mendengarnya kerana tidak pernah diperkenalkan kepada hamba sebelum ini. Adapun faqir ini hanya berwasilah dengan Para Masyaikh hamba dari silsilah 'Aliyah Naqshbadiyah Mujaddidiyah menerusi jalan Uwaisiyah dan Syeikh hamba adalah seorang Wali Qutub yang bernama Hadhrat Khwajah Khwajahgan Maulana Khan Muhammad Sahib Khanqah Sirajiah Mudda Zilluhul 'Ali yang kini menetap di Khanqah Sirajiah, Kundiyan, Mianwali, Pakistan dan berusia dalam lingkungan 90 tahun. Setelah menerima limpahan Faidhz darinya, pandangan batin hamba yang tertumpu untuk berdamping dengan Ruhaninya dan mengambil Istifadah batin darinya. Mudah-mudahan Allah memanjangkan usianya dan melebarkan bayangnya.

Wassalam.

Faqir Haqir Maulawi Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi

SURAT KEEMPAT PULUH

Kepada Saudara Hakimi Arifin

Wa'alaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh.
Alhamdulillah Wassolatu Wassalamu 'ala Rasulillah.

Semoga Allah merahmati orang-orang yang mencari jalan pendekatan terhadap ZatNya. Pertama sekali hamba yang faqir ini bersyukur kehadhrat Allah kerana ada juga di kalangan hamba-hambaNya yang sudi membaca kitab hamba yang tak seberapa. Adapun kitab Ar-Risalah Al-'Aliyah yang telah hamba terbitkan di scribd.com sebelum ini terdiri dari Jilid 1, Jilid 2, Jilid 3 dan Jilid 4. Jilid-jilid yang seterusnya akan menyusul nanti, Insya Allah.

Saudara boleh melayarinya dan boleh memuatturunkannya. Di samping itu saudara juga boleh mendapatkan buku hamba yang berjudul "Asas-Asas Tariqat Naqshbandiyah Mujaddidiyah" di laman tersebut. Layari profile: Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi dan saudara boleh mendapatkan buku-buku saya yang lain. Kitab-kitab dan buku hamba adalah percuma untuk diambil manafaatnya. Hamba berdoa mudah-mudahan Allah menjadikannya sebagai asbab Hidayah untuk seluruh Ummat Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam di seluruh muka alam sehingga ke hari Qiyamat.

Berkenaan hasrat saudara yang ingin bertemu, hamba tinggal di Selayang, Batu Caves. Namun, faqir tidaklah begitu penting untuk ditemui dan dikenali melainkan jika urusan yang benar mustahak. Mudah-mudahan Allah merahmatimu saudaraku atas jalan Naqshbandiyah dan semoga Allah menetapkan kita menuruti jalan tersebut.

Wassalam.

Faqir Jalaluddin Ahmad Ar-Rowi